



# LAPORAN TAHUNAN 2021





# ISI KANDUNGAN

## KATA ALUAN PENGARAH URUSAN & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF 1

## MAKLUMAT KORPORAT 3

Pengenalan	5
Visi	6
Misi	6
Peranan dan Objektif	6
Ahli Lembaga Amanah	7
Jawatankuasa Pengurusan TEKUN Nasional	9
Carta Organisasi TEKUN Nasional 2021	11
Perancangan Strategik TEKUN Nasional 2021	15
Maklumat Perjawatan dan Pembangunan Modal Insan Warga Kerja TEKUN Nasional	17
Peruntukan Dana Tekun Nasional 1998-2021	19

## LAPORAN OPERASI 20

### PEMBIAYAAN TERKUMPUL TEKUN NASIONAL (1999-2021) 22

Penyaluran Pembiayaan Mengikut Tahun (1999-2021)	22
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Negeri (1999-2021)	24
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Julat Umur (1999-2021)	25
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Julat Pembiayaan (1999-2021)	26
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Sektor (1999-2021)	27
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Jantina (1999-2021)	28
Bayaran Balik Pembiayaan Mengikut Tahun (1999-2021)	29

### LAPORAN PEMBIAYAAN BAGI TAHUN 2021 30

Penyaluran Pembiayaan Mengikut Negeri bagi Tahun 2021	30
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Julat Umur bagi Tahun 2021	31
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Julat Pembiayaan bagi Tahun 2021	32
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Sektor bagi Tahun 2021	33
Penyaluran Pembiayaan Mengikut Jantina bagi Tahun 2021	34
Bayaran Balik Pembiayaan Mengikut Negeri bagi Tahun 2021	35

## PRODUK PEMBIAYAAN TEKUN NASIONAL 36

Skim Pembiayaan TEKUN Niaga	36
Skim Pembiayaan TEMAN TEKUN	36
Skim Pembiayaan TEMAN TEKUN 2.0	38
Skim Pembiayaan Program TEMANNITA	39
Skim Pembiayaan Program TEMANNITA 2.0	40
Skim Pembiayaan Lanjutan Usahawan Setia (PLUS)	41
Skim Pembiayaan Kontrak-i	42
Skim Pembiayaan Usahawan Masyarakat India (SPUMI)	43
Program Agropreneur Muda 2.0	44
Program Pembangunan Usahawan Profesional Muda Bumiputera	45
Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS) Bumiputera	46
Skim Pembiayaan Nelayan	47
Skim Pembiayaan Orang Kurang Upaya (OKU)	48
Skim Pembiayaan Masyarakat Orang Asli (SPORA)	49
Skim Pembiayaan Usahawan Penjawat Keselamatan (SPEK)	50
Skim Pembiayaan TEKUN Mobilepreneur	51
Skim Pembiayaan Informal 1.0 (SPIN 1.0)	52
Skim Pembiayaan Industri Sukan (SPIS)	53
Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro 2.0 (CBRM 2.0)	54
Skim Pembiayaan Informal 2.0 (SPIN 2.0)	55

## PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN 56

Pembangunan Usahawan	57
▪ Program TEKUN Posprenuer	57
▪ KPT KUSKOP Siswaprenuer	57
Pembangunan Perniagaan	58
▪ Program <i>Agriculture Coaching And Industry Development</i> (ACID)	58
▪ Program Rintis CARE 1.0	58
Latihan Keusahawanan	59
▪ Program Latihan Keusahawanan - Peningkatan Kemahiran	60

## SALURAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN TEKUN NASIONAL 62

▪ Kaedah Bayaran Balik	61
------------------------	----

<b>SUBSIDIARI DAN ENTITI DI BAWAH TEKUN NASIONAL</b>	<b>65</b>
TEKUN Corporation Sdn Bhd (TEKUN CORP)	67
Koperasi Rakan TEKUN Berhad (KRTB)	69
Ar Rahnu TEKUN	71
<b>JAWATANKUASA AUDIT, INTEGRITI &amp; RISIKO (JKAIR)</b>	<b>77</b>
<b>JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN INOVASI TEKUN NASIONAL</b>	<b>80</b>
<b>JAWATANKUASA SYARIAH TEKUN NASIONAL</b>	<b>82</b>
<b>PRESTASI KEWANGAN</b>	<b>84</b>
<b>TAKAFUL KEMALANGAN DIRI TEKUN CARE</b>	<b>86</b>
<b>WASIAT</b>	<b>88</b>
<b>KAJIAN IMPAK PEMBIAYAAN BUMIPUTERA TEKUN NASIONAL</b>	<b>90</b>
▪ Kajian Impak Terhadap Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro (CBRM) Bagi Tahun 2020	91
<b>ANUGERAH TEKUN NASIONAL</b>	<b>94</b>
<b>AKTIVITI TEKUN NASIONAL</b>	<b>97</b>
<b>ALAMAT PEJABAT TEKUN NASIONAL</b>	<b>125</b>



# UCAPAN ALUAN PENGARAH & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



“ TEKUN Nasional telah berjaya menyalurkan pembiayaan tersebut kepada 56 ribu usahawan dengan nilai pembiayaan berjumlah RM655 juta. Satu pencapaian yang membanggakan kerana pelaksanaannya menghadapi pelbagai cabaran.”

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya dengan penuh rasa syukur ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha keras untuk menjadikan Laporan Tahunan TEKUN Nasional tahun 2021 ini sebuah kenyataan. Laporan ini adalah cerminan kerja keras, ketekunan, dan dedikasi kolektif kita dalam mencapai misi dan visi TEKUN Nasional.

Tahun 2021 telah menjadi satu tahun yang mencabar untuk kita semua, terutamanya dalam menghadapi kesan daripada pandemik COVID-19 yang terus berkecamuk di seluruh dunia. Namun, kita di TEKUN Nasional terus berusaha dan berinovasi dalam usaha membantu golongan yang memerlukan dengan menyediakan sokongan kewangan dan pembangunan keusahawanan. Ini adalah satu tanggungjawab yang akan sentiasa diteruskan dengan penuh keazaman.

Sejak penubuhan iaitu pada tahun 1999 hingga Disember 2021, sebanyak 636,638 pembiayaan bernilai RM6.95 billion melibatkan 493,286 orang usahawan telah disalurkan. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 29,427 pembiayaan bernilai 542.714 juta telah disalurkan kepada 18,321 orang usahawan.

Laporan tahunan ini bukan sahaja merupakan satu penilaian prestasi, tetapi juga merupakan satu platform untuk kita menilai sejauh mana kita telah mencapai matlamat kita dalam menyokong perkembangan ekonomi mikro di Malaysia. Selain itu, laporan ini juga akan memberikan gambaran kepada kita mengenai cabaran dan peluang yang mungkin kita hadapi dalam tempoh yang akan datang.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang kepada kejayaan TEKUN Nasional pada tahun 2021. Mari kita terus bersatu, berkongsi idea-idea cemerlang, dan berusaha bersama-sama demi masa depan yang lebih baik untuk membantu usahawan mikro agar terus berjaya, seterusnya mewujudkan ekonomi yang lebih kukuh dan mapan.

Selamat membaca laporan tahunan ini dan semoga ia memberikan wawasan yang berharga tentang usaha kami di TEKUN Nasional. Terima kasih sekali lagi atas sokongan anda.

Sekian, terima kasih.

**DATO' ADAM BIN ABD GHANI**  
Pengarah Urusan &  
Ketua Pegawai Eksekutif  
TEKUN Nasional

# MAKLUMAT KORPORAT



Sejarah penubuhan TEKUN Nasional bermula daripada hasil resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 1994 yang diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang. Salah satu resolusi KEB tersebut adalah untuk menyediakan saluran pembiayaan kepada peniaga dan penaja kecil dengan mudah dan cepat. Selaras dengan resolusi tersebut,

Projek TEKUN (Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga) telah dilaksanakan oleh Pusat Penyelidikan Dasar USM (PPD-USM) sebagai projek perintis di Pulau Pinang pada tahun 1995 dengan dana pusingan dibiayai oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC).

Projek perintis ini telah dikembangkan di Jeli, Kelantan pada tahun 1996 dan di Besut, Terengganu pada tahun 1997.

Kejayaan projek perintis tersebut telah mendorong kerajaan untuk memperluaskan pelaksanaan Projek TEKUN ke seluruh negara pada tahun 1998.

Pada peringkat awal penubuhan, TEKUN Nasional dikenali sebagai Yayasan TEKUN Nasional dan didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai sebuah Syarikat Berhad menurut Jaminan. Yayasan TEKUN Nasional ditubuh dan diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU). Pada tahun 2008, TEKUN telah ditransformasikan menjadi sebuah organisasi yang bukan hanya menyediakan modal perniagaan, tetapi turut menjadi agensi pembangunan usahawan yang strategik.

Yayasan TEKUN Nasional telah melaksanakan penjenamaan semula kepada TEKUN Nasional dan diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD).

Lanjutan daripada penstrukturan semula struktur kementerian dan pembubaran MECD, TEKUN Nasional diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) pada tahun 2009. Selaras dengan perubahan pentadbiran kerajaan pada tahun 2018, TEKUN Nasional diletakkan semula di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (KUSKOP) yang diwujudkan semula oleh pihak kerajaan.

**Matlamat penubuhan TEKUN Nasional diperluaskan kepada fungsi-fungsi berikut;**



Memberi peluang perniagaan serta penjana pendapatan



Menyediakan pembiayaan modal perniagaan



Menyediakan perkhidmatan bimbingan dan sokongan



Menyediakan jaringan usahawan

Dalam usaha mencapai hasrat kerajaan untuk membentuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) serta pelaksanaan hala tuju baharu dan penjenamaan semula ini, TEKUN Nasional merupakan agensi pelaksana yang dinamik serta mampu memainkan peranan dengan lebih berkesan bagi memenuhi matlamat penubuhannya.

Dengan kejayaan MPPB ini, martabat bangsa Melayu dan Bumiputera dalam bidang keusahawanan akan tercapai dan diperkukuhkan.



**VISI**

Sebagai institusi peneraju pembiayaan mikro yang unggul



**MISI**

Melahirkan dan membangunkan usahawan melalui pembiayaan mikro kredit yang mudah diakses

**PERANAN & OBJEKTIF**

Menyediakan pembiayaan usahaniaga mikro yang mudah, cepat dan mesra usahawan

Menyediakan khidmat bimbingan dan sokongan kepada usahawan TEKUN

Mewujudkan komuniti dan jaringan usahawan

Memupuk budaya keusahawanan dan menabung dalam kalangan usahawan

Memastikan pembiayaan yang dikeluarkan dapat dikutip semula mengikut jadual agar dapat disalurkan semula kepada usahawan lain

# AHLI LEMBAGA AMANAH



**YB USTAZ SHAHARIZUKIRNAIN  
BIN ABD KADIR**  
PENGERUSI



**PUAN NAJWAH HALIMAH  
BINTI AB ALIM**  
TIMBALAN PENERUSI



**DATUK HAJI ZAMRI  
@ FAZILLAH BIN SALLEH**  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA  
MEDAC



**DATO' ADAM  
BIN ABD GHANI**  
PENGARAH URUSAN &  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**ENCIK KHALID  
BIN MOHAMED**  
TIMBALAN PENGARAH 1,  
PENGURUSAN,  
BAHAGIAN BAJET & PEMBANGUNAN  
KEMENTERIAN EHWAL EKONOMI



**PUAN UMMI SYAHIDAH  
BINTI AHMAD BUSTAMAM**  
KETUA PENOLONG PENGARAH,  
PEJABAT BELANJAWAN NEGARA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA



**ENCIK MOHD FARISZAN  
BIN AHMAD**  
SETIAUSAHA BAHAGIAN BAHAGIAN  
PELABURAN DAN KAWAL SELIA ANAK  
SYARIKAT KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



**DATUK WAN MOHD  
SHAHARIR BIN  
WAN ABD JALIL**



**DATO' HJ PIRDAUS  
BIN HJ ISMAIL**



**PUAN FAIRUZ  
BINTI MOHD YATIM**



**ENCIK MIKAI  
AK MANDAU**



**ENCIK ZUHAIMY  
BIN MD ISA**



**PUAN MIZMA  
BINTI APPEHDULLAH**

# JAWATANKUASA PENGURUSAN TEKUN NASIONAL

PENGURUSAN TERTINGGI

EX-OFFICIO



**01** **DATO' ADAM BIN ABD GHANI**  
Pengarah Urusan &  
Ketua Pegawai Eksekutif

**02** **ENCIK OMAR BIN OTHMAN**  
Timbalan Ketua Pegawai  
Eksekutif (Kewangan)

**03** **ENCIK AISHAMUDDIN  
BIN ZULKEFLI**  
Timbalan Ketua Pegawai  
Eksekutif (Perancangan &  
Pembangunan)

**04** **ENCIK YASIR BIN SALAM**  
Timbalan Ketua Pegawai  
Eksekutif ( Operasi )

**05** **HJ. ROSHAIMI BIN HARUN**  
Timbalan Ketua Pegawai  
Eksekutif (Pengurusan Korporat)

**06** **PUAN SUHAILY RAINI  
BINTI MD HAMDAN**  
Ketua Bahagian  
Perancangan Strategik

**07** **PUAN NADIAH HANI  
BINTI ALI**  
Ketua Jabatan  
Undang-Undang


**08** **HAJI MOHAMAD RAZMAN  
BIN RAZAK**  
Ketua Jabatan Integriti &  
Pengurusan Risiko

**09** **ENCIK SYAMSUL KAMAL  
BIN AHMAD**  
Ketua Jabatan Teknologi  
Maklumat dan Komunikasi

**10** **EN. MD RUKEMI BIN ISHAK**  
Ketua Jabatan  
Audit Dalam


# CARTA ORGANISASI

# TEKUN NASIONAL 2021



## PELAKSANAAN PERANCANGAN STRATEGIK TEKUN NASIONAL 2021

Perancangan Strategik TEKUN Nasional ini disediakan sebagai panduan dan rujukan berkaitan perancangan program yang akan dilaksanakan pada tahun 2021 agar ianya selari dengan halatuju, matlamat dan sasaran yang telah ditetapkan serta dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Ianya juga merangkumi strategi yang akan dilaksanakan oleh entiti dan subsidiari TEKUN Nasional iaitu TEKUN Corporation Sdn Bhd ( TCorp ) dan Koperasi Rakan TEKUN Berhad ( KRTB ).



## PELAKSANAAN SKIM PEMBIAYAAN SEMASA & PASCA COVID-19

**SKIM PEMBIAYAAN PEMULIHAN PERNIAGAAN SEKTOR MIKRO COVID BUSINESS RECOVERY-MICRO ( CBRM ) ( RM1,000 – RM 10,000 )**

- Pembiayaan suntikan modal pusingan untuk memulih dan memulakan semula perniagaan sedia ada.
- 0 % ( Tiada Caj Dikenakan )
- Tempoh pembiayaan maksima 3 tahun dan tempoh penangguhan 6 bulan
- Terbuka kepada semua sektor perniagaan yang patuh syariah

**SKIM PEMULIHAN PERNIAGAAN TEKUN TEKUN Business Recovery Scheme (TBRS)**

- Jumlah pembiayaan yang ditawarkan melalui Skim Pemulihan Pembiayaan TEKUN (TBRS) ( RM1,000 – RM 10,000 )
- Kadar yang dikenakan adalah sebanyak 3.5% setahun
- Tempoh bayaran balik pembiayaan tahun hingga 3 tahun
- Terbuka kepada semua sektor perniagaan.

## PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI

Susulan daripada pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia dan merubah landskap dan ekosistem ekonomi, Kerajaan melaksanakan langkah drastik bagi membantu rakyat dan usahawan yang terkesan dan terjejas teruk melalui pengumuman beberapa pakej rangsangan ekonomi khas untuk usahawan antaranya melalui pakej PRIHATIN-PKS dan PENJANA.

TEKUN Nasional telah diberi tanggungjawab besar bagi membantu usahawan melalui penyaluran pembiayaan mudah tanpa caj di bawah pakej PRIHATIN-PKS dan pembiayaan dengan caj sebanyak 3.5% di bawah pakej PENJANA.

### PrihatinPKS+

...memansuhkan kadar faedah 4% kepada 0% untuk pinjaman mudah dibawah TEKUN Nasional yang berjumlah RM200juta..

### penjana

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

...RM100 juta dana pembiayaan mikrokredit PENJANA oleh TEKUN...

Kedua-dua program ini mendapat sambutan yang amat baik daripada usahawan dan TEKUN menambahbaik kaedah permohonan pembiayaan ini melalui permohonan secara atas talian dengan mengambil kira kekangan yang dihadapi usahawan dan pegawai TEKUN sendiri berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).


Seramai 26,326 usahawan telah diluluskan pembiayaan melalui program CBRM dengan nilai pembiayaan RM200 juta manakala bagi program TBRS, 14,957 usahawan telah diluluskan dengan nilai pembiayaan sebanyak RM100 juta.

Bagi membantu usahawan yang kehilangan

pekerjaan, TEKUN bekerjasama dengan syarikat e-hailing yang menyediakan perkhidmatan penghantaran dengan membiayai usahawan yang memerlukan modal tunai bagi membaikpulih motosikal dan juga membeli motosikal baru bagi digunakan bagi tujuan perkhidmatan penghantaran melalui program TEKUN Mobilepreneur.

Pelaksanaan program ini menggunakan dana dari pakej PRIHATIN-PKS dan PENJANA. Melalui program ini, TEKUN telah berjaya membantu seramai 2,542 usahawan dengan nilai pembiayaan dikeluarkan berjumlah RM20.97 juta.

# HALATUJU TEKUN NASIONAL 2021



### MAKLUMAT PERJAWATAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN WARGA KERJA TEKUN NASIONAL

Warga kerja merupakan aset utama dalam sesebuah organisasi. Kejayaan yang dikecapi oleh organisasi dapat dicapai dengan sumbangan tenaga kerja yang komited dan berdedikasi. Bagi tahun 2021, TEKUN Nasional mempunyai warga kerja berjumlah 1,267 pegawai di seluruh negara yang memainkan peranan penting dalam kejayaan pelaksanaan fungsi-fungsi utama TEKUN Nasional.

Warga kerja TEKUN ini meliputi 5 Pegawai Pengurusan Tertinggi, 346 Pegawai Eksekutif pelbagai peringkat, 913 Pembantu Pegawai dan 3 Pembantu Am.



**JUMLAH KESELURUHAN :**  
**1,267**

### PENGLIBATAN WARGA KERJA DALAM KURSUS TEKUN NASIONAL 2021


Pada tahun 2021 seramai 1,160 warga kerja telah menghadiri kursus yang dianjurkan oleh TEKUN Nasional. Sepanjang tahun 2021 sebanyak 66 kursus/ latihan telah diadakan yang meliputi 48 kursus dalaman dan 17 kursus luar yang melibatkan seramai 3,261 orang warga kerja.

Bagi meningkatkan lagi produktiviti dan prestasi warga kerja pelbagai kursus telah dilaksanakan dalam pelbagai kategori seperti Program Latihan Staf Baru (PLSB) / Induksi, Kursus Kemahiran Kerja (Dalaman), Kursus Kemahiran Kerja Reskilling (Luaran), Kursus Pembangunan Insan (Dalaman) dan Kursus Pembangunan Insan Luaran).

BIL	KATEGORI	BIL KURSUS	JUMLAH KEHADIRAN
1	PROGRAM LATIHAN STAF BARU (PLSB) / INDUKSI	1	27
2	KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN (RESKILLING) - DALAMAN	27	638
	KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN (RESKILLING) - LUARAN	17	52
3	KURSUS PEMBANGUNAN INSAN - DALAMAN	21	2,544
	KURSUS PEMBANGUNAN INSAN - LUARAN	0	0
KESELURUHAN		66	3,261

KURSUS PEMBANGUNAN INSAN - DALAMAN

**78%**



PROGRAM LATIHAN STAF BARU (PLSB) / INDUKSI

**0.8%**


KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN (RESKILLING) - DALAMAN

**19.6%**

KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN (RESKILLING) - LUARAN

**1.6%**

## PERUNTUKAN DANA TEKUN NASIONAL 1998-2021



# LAPORAN OPERASI

Peranan utama TEKUN Nasional adalah menyediakan pembiayaan kepada usahawan mikro bagi memula dan mengembangkan perniagaan mereka. Bagi memenuhi keperluan usahawan, TEKUN telah memperkenalkan dan melaksanakan beberapa produk pembiayaan seperti Produk TEKUN Niaga, TEMAN TEKUN, TEMANNita, Kontrak-i dan Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI).

TEKUN juga menawarkan produk khusus kepada golongan sasaran di bawah Program Agropreneur Muda, Program Pembangunan Usahawan Profesional Muda Bumiputera, Program Pembangunan Usahawan Siswazah, Skim Pembiayaan Orang Kelainan Upaya (OKU), Skim Pembiayaan Masyarakat Orang Asli (SPORA), Skim Pembiayaan Bekas Penjawat Keselamatan (SPEK) dan Skim Pembiayaan Industri Sukan (SPIS).

Selain itu, sejak pandemik COVID-19 melanda negara, TEKUN telah menerima dana daripada kerajaan untuk membantu golongan usahawan yang terjejas. Oleh itu, TEKUN telah mengambil langkah proaktif dengan membantu usahawan melalui Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro (CBRM), Skim Pembiayaan Informal (SPIN) dan Program Mobilepreneur.

**PRODUK PEMBIAYAAN TEKUN NASIONAL**


- TEKUN NIAGA
- TEMAN TEKUN
- TEMANnita
- Kontrak-i
- Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI)
- Program Agropreneur Muda
- Program Pembangunan Usahawan Profesional Muda Bumiputera
- Program Pembangunan Usahawan Siswazah
- Skim Pembiayaan Orang Kelainan Upaya (OKU)
- Skim Pembiayaan Masyarakat Orang Asli (SPORA)
- Skim Pembiayaan Bekas Penjawat Keselamatan (SPEK)
- Skim Pembiayaan Industri Sukan (SPIS)
- Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro (CBRM)
- Skim Pembiayaan Informal (SPIN)
- Program Mobilepreneur

Sejak tahun 1999 sehingga 2021, TEKUN telah menyalurkan pembiayaan sebanyak RM6.95 bilion kepada 493,286 orang usahawan diseluruh negara dan kutipan bayaran balik adalah sebanyak RM5.45 bilion. Tahun 2021 seramai 18,321 orang usahawan telah menerima pembiayaan dengan jumlah RM542.7 juta dan jumlah kutipan bayaran balik pembiayaan sebanyak RM469 juta.

**PEMBIAYAAN TERKUMPUL TEKUN NASIONAL (1999-2021)**  
**Penyaluran Pembiayaan Mengikut Tahun (1999-2021)**


TAHUN	BIL USAHAWAN	BIL PEMBIAYAAN	NILAI (RM)
1999	5,322	5,322	15,705,000
2000	15,039	15,275	45,090,500
2001	18,718	20,929	89,551,500
2002	17,072	21,324	98,947,000
2003	15,461	21,106	116,221,500
2004	12,281	18,625	123,076,500
2005	7,317	12,075	81,692,000
2006	7,539	10,736	72,681,000
2007	10,136	13,713	129,005,600
2008	20,567	25,187	358,238,100
2009	24,764	28,429	291,516,600
2010	22,127	25,912	179,489,000
2011	24,927	34,510	311,741,200
2012	35,903	50,499	508,235,300
2013	41,679	55,093	535,536,500
2014	25,163	36,480	349,147,750
2015	32,883	47,270	582,404,832
2016	42,141	52,369	703,374,500
2017	21,752	29,465	382,545,584
2018	20,134	27,628	354,138,500
2019	20,675	28,664	423,603,400
2020	33,365	56,027	655,408,000
2021	18,321	29,427	542,714,000
<b>JUMLAH</b>	<b>493,286</b>	<b>666,085</b>	<b>6,950,063,866.</b>

**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT TAHUN (1999-2021)**




**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT NEGERI (1999-2021)**

NEGERI	BIL PEMBIAYAAN	BIL USAHAWAN	NILAI (RM)
SELANGOR	75,646	61,902	968,235,350
JOHOR	73,835	55,056	823,126,300
SABAH	70,263	52,647	686,439,984
KEDAH	66,315	48,715	627,504,732
KELANTAN	63,133	42,334	605,180,600
TERENGGANU	61,246	40,975	549,727,900
PAHANG	48,729	35,700	506,914,200
PERAK	44,355	33,941	465,730,200
SARAWAK	52,498	36,484	407,442,400
NEGERI SEMBILAN	28,056	22,301	347,474,100
W. PERSEKUTUAN	23,078	18,759	332,683,900
PULAU PINANG	27,242	21,505	269,076,900
MELAKA	20,177	14,675	244,986,700
PERLIS	11,492	8,292	115,540,600
<b>JUMLAH</b>	<b>666,085</b>	<b>493,286</b>	<b>6,950,063,866</b>



**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JULAT UMUR (1999-2021)**


UMUR	BIL PEMBIAYAAN	PERATUSAN (%)	NILAI (RM)
18 - 30 Tahun	189,111	28	1,903,587,000
31 - 40 Tahun	225,732	34	2,430,968,582
41 - 50 Tahun	169,460	25	1,787,606,484
51 - 60 Tahun	75,700	11	772,225,300
61 Tahun ke atas	6,062	1	55,676,500
<b>JUMLAH</b>	<b>666,065</b>	<b>100</b>	<b>6,950,063,866</b>



Penyaluran pembiayaan mengikut umur dari tahun 1999 sehingga 2021 menunjukkan julat umur antara 31 – 40 merupakan julat tertinggi yang menerima pembiayaan iaitu sebanyak 34% dengan jumlah pembiayaan bernilai RM2.4 bilion.

**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JULAT PEMBIAYAAN (1999-2021)**


JULAT PEMBIAYAAN	BIL PEMBIAYAAN	PERATUSAN (%)	NILAI (RM)
RM5,000 dan ke bawah	272,861	41	1,010,572,800
RM5,001 - RM10,000	241,926	36	1,950,899,850
RM10,001 - RM20,000	95,454	14	1,465,802,700
RM20,001 - RM30,000	22,325	3	576,731,700
RM30,001 - RM40,000	9,242	1	333,277,084
RM40,001 - RM50,000	12,282	2	606,036,800
RM50,001 - RM100,000	11,975	2	1,006,742,932
<b>JUMLAH</b>	<b>666,065</b>	<b>100</b>	<b>6,950,063,866</b>



Julat pembiayaan RM5,000 dan ke bawah merupakan bilangan pembiayaan yang tertinggi melibatkan 272,861 usahawan ( 41% ) dengan nilai pembiayaan berjumlah RM1 bilion.

**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT SEKTOR (1999-2021)**

SEKTOR	BIL PEMBIAYAAN	PERATUSAN (%)	NILAI (RM)
Perkhidmatan	285,213	43	2,763,498,350
Peruncitan	243,740	37	2,186,269,932
Pembuatan	55,248	8	480,291,500
Pertanian & Perusahaan Asas Tani	53,098	8	503,147,800
Kontraktor Kecil	28,766	4	1,016,856,284
<b>JUMLAH</b>	<b>666,065</b>	<b>100</b>	<b>6,960,063,866</b>



Sebanyak 285,213 (43%) pembiayaan dikeluarkan di bawah sektor perkhidmatan dengan jumlah pembiayaan bernilai RM2.76 bilion.

**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JANTINA (1999-2021)**


JANTINA	BIL PEMBIAYAAN	PERATUSAN (%)	NILAI (RM)
Wanita	367,986	55	3,282,907,516
Lelaki	298,079	45	3,667,156,350
<b>JUMLAH</b>	<b>666,065</b>	<b>100</b>	<b>6,950,063,866</b>



Usahawan wanita menerima biaya paling ramai iaitu 367,986 (55%) pembiayaan berjumlah RM3.28 bilion berbanding usahawan lelaki iaitu 298,079 (45%) pembiayaan.

**BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN MENGIKUT TAHUN (1999-2021)**


TAHUN	NILAI (RM)	TAHUN	NILAI (RM)
1999	2,604,232	2011	181,301,087
2000	15,155,971	2012	281,874,585
2001	34,856,214	2013	346,611,376
2002	66,415,169	2014	312,420,109
2003	87,447,534	2015	355,894,194
2004	102,960,828	2016	551,932,835
2005	96,051,516	2017	554,650,120
2006	82,352,235	2018	518,539,940
2007	91,556,973	2019	512,019,773
2008	100,883,760	2020	382,293,212
2009	146,609,029	2021	469,087,069
2010	154,690,971	<b>JUMLAH</b>	<b>5,448,208,732</b>



**LAPORAN PEMBIAYAAN BAGI TAHUN 2021**


**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2021**

NEGERI	BIL USAHAWAN	BIL PEMBIAYAAN	NILAI (RM)
SELANGOR	2,815	3,921	75,490,000
JOHOR	2,611	4,127	73,137,000
SABAH	2,047	3,608	68,280,000
PAHANG	1,263	2,259	50,374,500
SARAWAK	1,007	1,893	43,845,500
KELANTAN	1,360	2,494	40,323,000
PERAK	1,215	1,808	34,079,000
TERENGGANU	1,611	2,505	30,300,000
KEDAH	868	1,446	30,060,000
NEGERI SEMBILAN	879	1,332	30,000,000
W. PERSEKUTUAN	753	1,171	20,425,500
MELAKA	773	1,149	18,913,000
PULAU PINANG	697	1,013	14,602,500
PERLIS	422	701	12,884,000
<b>JUMLAH</b>	<b>18,321</b>	<b>29,427</b>	<b>542,714,000</b>



**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JULAT UMUR BAGI TAHUN 2021**


UMUR	BIL PEMBIAYAAN	PERATUSAN (%)	NILAI (RM)
18 - 30 Tahun	11,100	38	183,170,000
31 - 40 Tahun	11,161	38	202,193,000
41 - 50 Tahun	5,221	18	108,201,000
51 - 60 Tahun	1,858	6	44,441,000
61 Tahun ke atas	87	0.3	4,709,000
<b>JUMLAH</b>	<b>29,427</b>	<b>100</b>	<b>542,714,000</b>



Penyaluran pembiayaan mengikut umur pada tahun 2021 menunjukkan julat umur antara 31 – 40 merupakan julat tertinggi yang menerima pembiayaan iaitu sebanyak 38% dengan jumlah pembiayaan bernilai RM202 juta.

**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JULAT PEMBIAYAAN BAGI TAHUN 2021**


JULAT PEMBIAYAAN	BIL PEMBIAYAAN	PERATUSAN (%)	NILAI (RM)
RM5,000 dan ke bawah	7,120	24	32,780,000
RM5,001 - RM10,000	8,907	30	75,668,000
RM10,001 - RM20,000	7,911	27	122,183,000
RM20,001 - RM30,000	1,391	5	39,920,000
RM30,001 - RM40,000	804	3	30,861,000
RM40,001 - RM50,000	994	3	48,641,000
RM50,001 - RM100,000	2,300	8	192,661,000
<b>JUMLAH</b>	<b>29,427</b>	<b>100</b>	<b>542,714,000</b>



Julat pembiayaan RM5,001-RM10,000 merupakan julat paling tinggi yang menerima pembiayaan melibatkan 8,907 bilangan pembiayaan bernilai RM75,668,000 atau 30% daripada jumlah keseluruhan.

**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN 2021**


SEKTOR	BIL PEMBIAYAAN	PERATUSAN (%)	NILAI (RM)
Perkhidmatan	11,695	40	165,340,500
Peruncitan	9,205	31	110,507,000
Kontraktor Kecil	3,924	13	210,778,000
Pembuatan	2,874	10	33,619,000
Pertanian & Perusahaan Asas Tani	1,719	6	22,469,500
<b>JUMLAH</b>	<b>29,427</b>	<b>100</b>	<b>542,714,000</b>



Sektor perkhidmatan merupakan sektor tertinggi menerima pembiayaan iaitu sebanyak 40% diikuti sektor peruncitan sebanyak 31% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan.

**PENYALURAN PEMBIAYAAN MENGIKUT JANTINA BAGI TAHUN 2021**


JANTINA	BIL USAHAWAN	PERATUSAN (%)	NILAI (RM)
Wanita	15,265	52	220,402,500
Lelaki	14,162	48	322,311,500
<b>JUMLAH</b>	<b>29,427</b>	<b>100</b>	<b>542,714,000</b>



Usahawan wanita menerima pembiayaan tertinggi iaitu seramai 15,265 (52%) orang usahawan dengan nilai pembiayaan sebanyak RM220 juta. Manakala usahawan lelaki seramai 14,162 (48%) orang.

**BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN MENGIKUT NEGERI  
BAGI TAHUN 2021**

NEGERI	BIL PEMBIAYAAN	NEGERI	BIL PEMBIAYAAN
SABAH	72,234,256.35	NEGERI SEMBILAN	28,472,933.12
JOHOR	57,880,179.91	PERAK	27,723,056.35
SELANGOR	49,011,766.99	TERENGGANU	23,925,144.68
PAHANG	45,428,706.21	W. PERSEKUTUAN	16,204,984.82
SARAWAK	42,113,535.20	MELAKA	13,925,946.85
KELANTAN	36,229,580.69	PULAU PINANG	12,337,052.27
KEDAH	32,327,970.16	PERLIS	11,271,956.05
<b>JUMLAH</b>		<b>469,087,069.65</b>	



# PRODUK PEMBIAYAAN

### Skim Pembiayaan TEKUN Niaga

Skim ini merupakan produk pembiayaan utama yang dilaksanakan sejak tahun 1998 dengan nilai pembiayaan dari RM1,000 sehingga RM10,000 pada awal pelaksanaannya.

Skim ini telah ditambah baik dan ditingkatkan had pembiayaan sehingga RM100,000 mengikut keperluan semasa. Bagi tahun 2021 sejumlah RM156.2 juta pembiayaan telah dikeluarkan kepada 7,885 orang usahawan.



### Skim Pembiayaan TEMAN TEKUN

Skim ini menggunakan konsep pembiayaan secara berkumpulan seramai 5 orang dalam satu kumpulan. Usahawan dalam kumpulan tersebut hendaklah mempunyai premis/ tapak perniagaan yang berdekatan antara satu sama lain dalam lingkungan kurang daripada 10 kilometer.

Usahawan perlu menghadiri perjumpaan mingguan bersama Pegawai TEKUN di lokasi perniagaan / Pejabat TEKUN Cawangan / tempat yang bersesuaian. Nilai pembiayaan bagi skim ini adalah dari RM1,000 hingga RM20,000.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2015, Skim Pembiayaan TEMAN TEKUN telah menyalurkan RM552.5 juta kepada 77,543 usahawan yang melibatkan 15,508 kumpulan. Manakala bagi tahun 2021, sebanyak RM4.4 juta telah disalurkan kepada 482 orang usahawan melibatkan 96 kumpulan.

Pemohon perlu memenuhi syarat asas permohonan TEMAN TEKUN serta syarat tambahan pembiayaan seperti berikut:-

- i. Bumiputera
- ii. Berumur antara 18 hingga 65 tahun
- iii. Membentuk kumpulan lima (5) orang usahawan. (Lelaki atau Wanita)
- iv. Pemohon perlu mempunyai lesen / permit / daftar perniagaan yang sah (SSM)
- v. Mempunyai tempat / lokasi perniagaan yang khusus/ berniaga secara bergerak (*mobile*)

### Skim Pembiayaan TEMAN 2.0

Skim ini adalah lanjutan daripada TEMAN TEKUN yang ditambah baik kaedah pelaksanaannya dan menggunakan konsep Grameen Bank. Nilai pembiayaan di bawah skim ini adalah dari RM1,000 hingga RM20,000.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2018, Skim Pembiayaan TEMAN 2.0 telah menyalurkan RM58.3 juta kepada 8,776 usahawan yang melibatkan 1,755 kumpulan.

Pemohon perlu memenuhi syarat asas permohonan serta syarat tambahan pembiayaan seperti berikut :-

- i. Bumiputera
- ii. Berumur antara 18 hingga 65 tahun
- iii. Membentuk kumpulan lima (5) orang usahawan
- iv. Ahli kumpulan merangkumi pelbagai jenis aktiviti perniagaan
- v. Bayaran balik secara mingguan
- vi. Perlu menghadiri Perjumpaan Setempat Ahli TEMAN (PSAT) setiap minggu bersama pegawai TEKUN di lokasi yang telah ditetapkan

TAHUN	BIL PEMBIAYAAN	BIL USAHAWAN	BIL KUMPULAN	NILAI (RM)
2015 - 2021	77,488	77,543	15,508	552,498,000
2021	462	482	96	4,415,000

TAHUN	BIL PEMBIAYAAN	BIL USAHAWAN	BIL KUMPULAN	NILAI (RM)
2018-2021	8,803	8,776	1,755	58,306,500
2021	2,419	2,389	477	18,843,000



**Skim Pembiayaan Program TEMANNita**

Skim pembiayaan ini adalah sama seperti Skim TEMAN TEKUN. Walau bagaimanapun skim ini dikhususkan untuk golongan wanita dan telah dilancarkan pada tahun 2017. Nilai pembiayaan di bawah skim ini adalah dari RM1,000 hingga RM20,000.

Seramai 14,731 usahawan wanita melibatkan 2,946 kumpulan dengan pembiayaan bernilai RM97.1 juta.

Pemohon perlu memenuhi syarat asas permohonan serta syarat tambahan pembiayaan seperti berikut:

- i. Bumiputera
- ii. Berumur antara 18 hingga 65 tahun
- iii. Membentuk kumpulan lima (5) orang usahawan (wanita sahaja)
- iv. Ahli kumpulan merangkumi pelbagai jenis aktiviti perniagaan
- v. Bayaran balik secara mingguan
- vi. Perlu menghadiri perjumpaan setiap minggu bersama pegawai TEKUN di lokasi perniagaan/ Pejabat TEKUN Cawangan/ tempat yang bersesuaian

TAHUN	BIL PEMBIAYAAN	BIL USAHAWAN	BIL KUMPULAN	NILAI (RM)
2015 - 2021	14,700	14,731	2,946	97,071,000
2021	130	140	28	1,440,000


**Skim Pembiayaan Program TEMANNita 2.0**

Skim ini adalah lanjutan daripada Skim TEMANita yang ditambah baik kaedah pelaksanaannya dan menggunakan konsep Grameen Bank. Nilai pembiayaan di bawah skim ini adalah dari RM1,000 hingga RM20,000.

Pemohon perlu memenuhi syarat asas permohonan serta syarat tambahan pembiayaan seperti berikut:

- i. Bumiputera
- ii. Berumur antara 18 hingga 65 tahun
- iii. Membentuk kumpulan lima (5) orang usahawan (Lelaki atau Wanita)
- iv. Ahli kumpulan merangkumi pelbagai jenis aktiviti perniagaan
- v. Bayaran balik secara mingguan
- vi. Perlu menghadiri Perjumpaan Setempat Ahli TEMAN (PSAT) setiap minggu bersama pegawai TEKUN di lokasi yang telah ditetapkan





### Skim Pembiayaan Lanjutan Usahawan Setia ( PLUS )

Skim ini merupakan pembiayaan kepada usahawan yang telah membuat pembiayaan Skim Pembiayaan TEMAN 2.0 atau TEMANita 2.0 dengan rekod pembiayaan yang baik.

Pemohon yang layak perlu menghadiri Perjumpaan Setempat Ahli TEMAN (PSAT) setiap minggu bersama pegawai TEKUN di lokasi yang telah ditetapkan.

Nilai pembiayaan di bawah skim ini bermula dari RM1,000 hingga RM3,000 dengan tempoh pembiayaan antara 6 bulan atau 9 bulan sahaja serta bayaran balik secara mingguan.

TAHUN	BIL PEMBIAYAAN	BIL USAHAWAN	NILAI (RM)
2015 - 2021	154	152	450,000
2021	105	103	305,000



### Skim Pembiayaan Kontrak-i

Objektif pinjaman melalui Skim Kontrak-i adalah bertujuan membantu dan menyediakan akses pinjaman segera kepada usahawan yang telah mendapat kontrak kerja atau pembekalan tetapi kurang modal.

Di antara bidang atau sektor yang dibiayai adalah seperti kontraktor kecil, pembuatan, perkhidmatan, peruncitan dan pertanian.

Produk ini juga memfokuskan usahawan yang kontrak pembekalan secara terus yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).

Sejak diperkenalkan pada tahun 2015 sehingga tahun 2021, seramai 9,116 orang usahawan menerima pembiayaan bernilai RM890.5 juta. Manakala bagi tahun 2020 seramai 2,754 orang usahawan menerima pembiayaan berjumlah RM203.8 juta.

Skim ini menyediakan alternatif dan kemudahan pembiayaan kepada usahawan untuk mendapatkan modal tambahan dengan lebih cepat.

Kelebihan skim ini adalah mempunyai tempoh pembiayaan yang lebih fleksibel, caj pengurusan yang rendah, tanpa penjamin atau cagaran, tanpa deposit dan kaedah pembiayaan secara lumpsum.

TAHUN	BIL PEMBIAYAAN	BIL USAHAWAN	NILAI (RM)
2015 - 2021	15,517	9,116	890,523,584
2021	3,278	2,754	203,822,000



**Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI)**

TEKUN turut menyediakan kemudahan pembiayaan kepada masyarakat melalui Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI). Skim ini bertujuan untuk menggalakkan penyertaan kaum India dalam bidang keusahawanan.

Skim ini mula diperkenalkan pada tahun 2008 kepada masyarakat India yang berumur 18 hingga 65 tahun. Sejak tahun 2008 hingga 2021, jumlah pengeluaran pembiayaan adalah bernilai RM354.1 juta kepada 21,259 usahawan. Bagi tahun 2021 seramai 1,115 usahawan mendapat pembiayaan bernilai RM30.4 juta.

TAHUN	BIL PEMBIAYAAN	BIL USAHAWAN	NILAI (RM)
2015 - 2021	23,900	21,259	354,097,900
2021	1,368	1,115	30,387,000



**Program Agropreneur Muda 2.0**

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Unit Agropreneur Muda telah mewujudkan Program Agropreneur Muda. Program ini bertujuan menggalakkan penglibatan belia atau anak muda secara langsung dalam bidang pertanian, penternakan dan perikanan.

Sejak tahun 2015 sehingga tahun 2021, program ini telah menyalurkan pembiayaan kepada 479 orang usahawan dengan nilai RM17.2 juta.

- Program ini juga merangkumi aktiviti industri asas tani seperti pemasaran, khidmat sokongan dan agro pelancongan. Syarat-syarat penyertaan di bawah program ini:
- i. Berumur antara 18-40 tahun
  - ii. Nilai pembiayaan adalah sehingga RM50,000
  - iii. Tempoh bayaran balik pembiayaan sehingga 5 tahun
  - iv. Kadar keuntungan sebanyak 2% setahun (caj 2% lagi ditanggung oleh kerajaan)

Program Pembangunan Usahawan Profesional Muda Bumiputera

TEKUN menggalakkan golongan profesional untuk memula dan mengembangkan perniagaan mereka sendiri dengan menyertai Program Profesional Muda Bumiputera yang diiktiraf oleh badan profesional seperti doktor, akauntan, jurutera, optometris, ahli farmasi dan peguam.

Pemohon boleh mengamalkan bidang kemahiran profesional mereka ataupun bidang yang berlainan.

Sejak tahun 2015 sehingga tahun 2021, program ini telah menyalurkan pembiayaan kepada 332 orang usahawan dengan nilai RM21.4 juta.

Pada tahun 2021, sejumlah RM2.78 juta pembiayaan telah disalurkan kepada 53 orang usahawan profesional.

Program ini menyediakan pembiayaan sehingga RM100,000 dan tempoh bayaran balik sehingga 10 tahun. Kelebihan menyertai program ini adalah:

- i. Perniagaan boleh dijalankan secara individu atau perkongsian pintar (*smart partnership*).
- ii. Bilangan maksimum rakan kongsi bagi perkongsian pintar adalah 3 orang profesional
- iii. Nilai pembiayaan adalah sehingga RM100,000 bagi setiap rakan kongsi



Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS) Bumiputera

Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS) bertujuan untuk membantu siswazah yang ingin memulakan atau mengembangkan perniagaan yang sedia ada.

TEKUN komited dalam membantu dan memberi peluang kepada siswazah yang ingin menceburi bidang perniagaan. Program ini yang mula dilaksanakan pada tahun 2009, telah membantu 2,350 usahawan siswazah dengan nilai pembiayaan berjumlah RM45.9 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM6.5 juta telah disalurkan kepada 368 orang usahawan siswazah pada tahun 2021.

Kelebihan menyertai program ini adalah:

- i. Perniagaan boleh dijalankan secara individu atau perkongsian pintar (*smart partnership*)
- ii. Bilangan maksimum rakan kongsi bagi perkongsian pintar adalah 3 orang siswazah
- iii. Nilai pembiayaan adalah sehingga RM50,000 bagi setiap rakan kongsi



### Skim Pembiayaan Nelayan

Skim Pembiayaan Nelayan ditawarkan kepada golongan nelayan yang mempunyai lesen menjalankan aktiviti perikanan dan memerlukan modal bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti perikanan. Skim ini juga membantu mengurangkan beban hutang dan memerangi orang tengah melalui pengambilalihan hutang nelayan.

TEKUN telah menyediakan pembiayaan kepada golongan nelayan dalam 4 aktiviti iaitu:

- i. Menyelesaikan hutang nelayan dengan menyalurkan pembiayaan terus kepada orang tengah
- ii. Membeli peralatan asas kelengkapan perikanan seperti sampan, enjin dan pukot
- iii. Penternakan ikan dalam sangkar (akuakultur)
- iv. Pembiayaan kepada pasangan nelayan untuk aktiviti yang boleh menjana dan menambah pendapatan

TEKUN telah menyalurkan pembiayaan sebanyak RM28.03 juta kepada 3,283 orang usahawan perikanan dan nelayan sejak tahun 2014 sehingga 2021. Bagi tahun 2021 seramai 91 orang usahawan perikanan dan nelayan telah menerima pembiayaan berjumlah RM1 juta.



### Skim Pembiayaan Orang Kurang Upaya (OKU)

Skim ini disediakan khas kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk mendapatkan modal perniagaan dengan mudah. Skim ini menawarkan jumlah pembiayaan sehingga RM100,000 tanpa melalui semakan kredit dengan Agensi Pelaporan Kredit.

TEKUN juga menjalinkan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Persatuan OKU dan NGO bagi membolehkan lebih ramai golongan OKU mendapat manfaat pembiayaan daripada TEKUN.

Sehingga 31 Disember 2021, TEKUN telah menyalurkan pembiayaan kepada 931 usahawan OKU dengan pembiayaan bernilai RM10.24 juta.



**Skim Pembiayaan Masyarakat Orang Asli (SPORA)**

TEKUN Nasional juga tidak melupakan masyarakat orang asli dengan menyediakan Skim Pembiayaan Masyarakat Orang Asli (SPORA) dengan nilai pembiayaan sehingga RM100,000. Skim ini adalah untuk menyediakan modal kepada masyarakat orang asli untuk mengusahakan perniagaan.

Seramai 13 orang usahawan telah menerima pembiayaan menerusi skim ini sehingga 31 Disember 2021. Nilai pembiayaan yang telah disalurkan kepada 13 orang usahawan tersebut bernilai RM250,000.



**Skim Pembiayaan Bekas Penjawat Keselamatan (SPEK)**

Skim ini menyediakan pembiayaan mikro kepada bekas anggota penjawat awam dengan mudah dan cepat. Tempoh pembiayaan yang ditawarkan adalah sehingga 10 tahun dengan jumlah pembiayaan sehingga RM100,000. Skim ini bertujuan untuk membantu bekas penjawat keselamatan yang menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan.

Sepanjang tahun 2021, pembiayaan bernilai RM750,000 telah disalurkan kepada 40 orang usahawan.



### Skim Pembiayaan TEKUN Mobilepreneur

Skim ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan melalui TEKUN Nasional untuk memberi peluang kepada golongan yang hilang punca pendapatan serta terjejas akibat penularan COVID-19 untuk menjana pendapatan. Skim ini diwujudkan untuk menyediakan modal kepada Usahawan Perkhidmatan Penghantaran menggunakan motosikal.

Pembiayaan TEKUN Mobilepreneur disediakan sehingga RM10,000 kepada peserta untuk tujuan berikut:

- i. Pembelian motosikal
- ii. Baik pulih motosikal
- iii. Modal pusingan

Melalui skim ini, seramai 3,548 orang usahawan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM30.5 juta telah disalurkan sehingga 31 Disember 2021.

### Skim Pembiayaan Informal 1.0 (SPIN 1.0)

Skim Pembiayaan Informal (SPIN) adalah pembiayaan untuk membantu usahawan yang tidak mempunyai daftar perniagaan (SSM) atau lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan bilangan pekerja kurang daripada 10 orang dan barangan atau produk dikeluarkan untuk tujuan jualan. Skim ini dilaksanakan untuk membantu perniagaan yang terjejas atau usahawan yang ingin memulakan perniagaan dalam masa kesukaran akibat pandemik COVID-19 dengan nilai pembiayaan sehingga RM5,000.

Sejak tahun 2020 sehingga 2021, TEKUN telah membantu seramai 3,903 orang usahawan dengan nilai pembiayaan sebanyak RM22.4 juta. Pada tahun 2021 sebanyak RM21.4 juta telah disalurkan kepada 3,671 orang usahawan informal.

Melalui skim ini, seramai 3,548 orang usahawan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM30.5 juta telah disalurkan sehingga 31 Disember 2021.



**Skim Pembiayaan Industri Sukan (SPIS)**

Skim Pembiayaan Industri Sukan merupakan skim khusus untuk atlet atau bekas atlet kebangsaan termasuklah atlet paralimpik dengan pembiayaan sehingga RM100,000 dan kadar keuntungan sebanyak 2%.

Pemohon perlulah mengemukakan surat pengesahan daripada Kementerian Belia & Sukan untuk permohonan skim ini. TEKUN memberi peluang kepada atlet/bekas atlet yang berniaga dalam bidang perkhidmatan dan peruncitan yang berkaitan dengan industri sukan untuk memohon pembiayaan melalui skim ini.

Sepanjang tahun 2021, TEKUN telah menyalurkan pembiayaan kepada 5 orang usahawan dengan nilai pembiayaan bernilai RM215,000.




**Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro 2.0 (COVID Business Recovery, Micro – CBRM 2.0)**

Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro 2.0 (CBRM 2.0) merupakan kesinabungan daripada Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro CBRM 1.0 yang ditawarkan kepada usahawan TEKUN sedia ada dan usahawan yang terjejas kesan daripada wabak COVID-19.

Skim ini bertujuan menyediakan pembiayaan suntikan modal pusingan kepada syarikat dan usahawan mikro yang terjejas akibat wabak COVID-19.

TEKUN Nasional telah membiayai seramai 4,075 orang usahawan sepanjang tahun 2021. Nilai kelulusan bagi usahawan-usahawan tersebut adalah sebanyak RM50 juta.



### Skim Pembiayaan Informal 2.0 (SPIN 2.0)

Susulan daripada wabak COVID-19, kerajaan telah memperuntukkan dana khas berjumlah RM50 juta di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) untuk membantu memulihkan dan memulakan semula perniagaan mikro kepada usahawan dalam sektor yang terkesan untuk meneruskan semula perniagaan. Oleh itu, TEKUN Nasional telah mengambil inisiatif untuk meneruskan SPIN 1.0 dengan mewujudkan SPIN 2.0 melalui objektif menyediakan pembiayaan suntikan modal pusingan untuk memulihkan dan memulakan semula perniagaan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Berbeza dengan SPIN 1.0, nilai pembiayaan SPIN 2.0 adalah sehingga RM10,000 untuk tempoh 5 tahun dengan penangguhan bayaran selama 6 bulan. Sepanjang tahun 2021, kesemua RM50 juta telah pun disalurkan kepada 7,602 orang usahawan.




# PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN

TEKUN Nasional telah mempelbagaikan aktiviti dan program latihan keusahawanan di bawah Program Pembangunan Usahawan kepada usahawan-usahawan yang telah mendapat pembiayaan TEKUN. Program ini mampu memperkasa dan meningkatkan ilmu keusahawanan dikalangan usahawan bagi memastikan kelestarian perniagaan yang dijalankan.

Selain itu, pembangunan perniagaan dan pembangunan produk seperti pembungkusan, pelabelan serta pensijilan turut diberikan tumpuan bagi menjamin potensi dan daya maju perniagaan yang dijalankan. Pendekatan amalan digitalisasi dalam perniagaan juga turut diterapkan dalam pelaksanaan sesi latihan keusahawanan.

Fokus utama Program Pembangunan Usahawan:

## 01 PEMBANGUNAN USAHAWAN



TEKUN juga telah melaksanakan beberapa program khas pembangunan usahawan seperti berikut:

<p><b>Program TEKUN Pospreneur</b></p> <p>Program TEKUN Pospreneur merupakan program kerjasama TEKUN dengan Pos Malaysia dalam melahirkan usahawan dalam bidang perkhidmatan penghantaran barangan dikalangan kakitangan Pos yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.</p> <p>Pos Malaysia akan mengeluarkan kontrak kerja penghantaran kepada usahawan yang berminat. Manakala kemudahan pembiayaan TEKUN disediakan kepada usahawan berkenaan melalui dua pakej pembiayaan iaitu pembiayaan sehingga RM20,000 untuk baik pulih kenderaan dan pembiayaan sehingga RM50,000 bagi pembelian kenderaan.</p> <p>Sehingga 31 Disember 2021, seramai 15 orang usahawan telah mendapat pembiayaan TEKUN Pospreneur dengan nilai pembiayaan sebanyak RM750,000.</p>	<p><b>Program KPT-KUSKOP Siswapreneur</b></p> <p>Program ini telah dilancarkan pada 26 November 2020 dan merupakan program kerjasama antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan KUSKOP dalam usaha membantu pelajar-pelajar yang sedang menuntut di IPTA, Politeknik dan Kolej Komuniti untuk menjalankan perniagaan.</p> <p>TEKUN Nasional berperanan sebagai agensi pelaksana melalui pembiayaan yang disediakan sehingga RM5,000 sebagai modal untuk menjalankan perniagaan.</p> <p>Sehingga 31 Disember 2021, seramai 28 pelajar telah mendapat pembiayaan di bawah program ini dengan nilai RM98,000.</p>
--	---

## 02 PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Bagi mendepani cabaran ekonomi semasa, usahawan perlu melakukan transformasi digitalisasi dalam perniagaan bagi memastikan perniagaan terus kekal dan mampu bersaing di pasaran tempatan dan peringkat global.

Pelaksanaan di bawah pembangunan perniagaan ini akan memberi tumpuan kepada aspek berikut:



TEKUN juga telah melaksanakan Program Usahawan Bimbingan dengan kerjasama KUSKOP iaitu:

<p><b>Program Agriculture Coaching And Industry Development (ACID)</b></p> <p>Program ini merupakan program khas di bawah KUSKOP dan INSKEN untuk melahirkan usahawan belia dalam bidang pertanian fertigasi.</p> <p>Usahawan akan dibimbing oleh syarikat anchor yang dilantik dan hasil tanaman akan dijual menggunakan konsep <i>contract farming</i>.</p> <p>Sehingga 31 Disember 2021, seramai 119 orang usahawan telah diberikan pembiayaan di bawah program ini dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM3.57 juta.</p>	<p><b>Program Rintis CARE 1.0</b></p> <p>Program ini merupakan program kerjasama KUSKOP, TEKUN Nasional dan Mental Health Foundation (MHF) dalam melaksanakan Program Latihan Keusahawanan dikalangan OKU Mental. Seramai 24 orang peserta telah dipilih oleh MHF untuk menyertai program ini.</p> <p>Peserta akan melalui sesi latihan selama 3 bulan dalam bidang kulineri dan bakeri di Pusat Latihan Kemahiran MHF serta Program Asas Keusahawanan selama sehari daripada TEKUN Nasional.</p> <p>Setiap peserta yang berjaya menamatkan sesi latihan keusahawanan berkenaan akan menerima bantuan geran peralatan dan barangan perniagaan bakeri bernilai RM3,000.</p>
---	--

### 03 LATIHAN KEUSAHAWANAN

Program Latihan Keusahawanan ini disediakan kepada semua usahawan TEKUN yang telah mendapat pembiayaan TEKUN Nasional. Usahawan akan dilatih dan dibimbing berhubung ilmu dan kemahiran dalam bidang keusahawanan agar perniagaan dapat bersaing dan menjana keuntungan yang tinggi.

TEKUN Nasional telah membuat penambahbaikan terhadap modul Latihan Asas Keusahawanan selaras dengan perubahan perniagaan yang menggunakan konsep digital seperti berikut:



Latihan Asas Keusahawanan	Program Latihan Keusahawanan Peningkatan Kemahiran
<ul style="list-style-type: none"> <li>Konsep Digitalisasi Perniagaan</li> <li>Asas Pemasaran Digital</li> <li>Asas Pengurusan Kewangan Digital</li> </ul>	Pengurusan Perniagaan <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurusan Kewangan</li> <li>Pemasaran</li> </ul>

Sehingga 31 Disember 2021, TEKUN telah mengadakan Kursus / Seminar Asas Keusahawanan kepada 236,740 usahawan baru yang melibatkan 883 siri kursus. Manakala bagi tahun 2021, TEKUN telah melaksanakan 72 siri Kursus / Seminar Asas Keusahawanan TEKUN Nasional kepada 15,701 usahawan.

Di bawah Program PENJANA KPT-CAP, TEKUN Nasional telah dilantik sebagai salah satu agensi pelaksana program berkenaan. TEKUN Nasional telah bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Rakan Strategik pelaksanaan program ini yang dikenali sebagai Graduate Business Program (GBP). Sasaran peserta adalah dikalangan graduan yang telah menamatkan pengajian pada tahun 2019 sehingga 2021 dan berminat menceburkan diri dalam bidang keusahawanan serta masih belum mendapat pekerjaan tetap.


Peserta yang berminat akan dilatih dengan ilmu dan kemahiran keusahawanan secara dalam talian selama 9 hari berturut-turut. Bagi peserta yang berjaya menamatkan sesi latihan berkenaan akan ditawarkan kemudahan pembiayaan TEKUN untuk menjalankan dan mengembangkan lagi perniagaan.

Sehingga 31 Disember 2021, seramai 140 peserta telah dilatih di bawah program ini melibatkan 6 siri kursus. Daripada jumlah tersebut, seramai 17 orang peserta telah mendapat pembiayaan TEKUN dengan jumlah sebanyak RM278,000.

TEKUN turut menyediakan pendidikan ilmu keusahawanan seperti pengurusan perniagaan, pemasaran, kewangan, pensijilan, pembangunan produk dan slot motivasi secara digital kepada usahawan melalui platform "TEKUN EDUPRENEUR".


BILANGAN USAHAWAN YANG MENGHADIRI SEMINAR ASAS KEUSAHAWANAN

TAHUN	BIL SIRI SAK	BIL USAHAWAN
2010	12	392
2011	77	2,511
2012	197	9,521
2013	92	7,429
2014	71	6,044
2015	125	19,019
2016	60	74,466
2017	58	50,161
2018	44	21,817
2019	54	22,280
2020	21	7,399
2021	72	15,701
<b>JUMLAH</b>	<b>883</b>	<b>236,740</b>



BILANGAN USAHAWAN YANG MENGHADIRI SEMINAR ASAS KEUSAHAWANAN (SAK) TEKUN NASIONAL BAGI TAHUN 2021

BULAN	BIL SIRI SAK	BIL USAHAWAN
JANUARI	5	1,173
FEBRUARI	24	7,131
MAC	9	1,451
APRIL	3	564
MEI	4	576
JUN	17	3,028
JULAI	3	320
OGOS	4	474
SEPTEMBER	2	206
OKTOBER	0	0
NOVEMBER	0	0
DISEMBER	1	220
<b>JUMLAH</b>	<b>72</b>	<b>15,701</b>



# SALURAN BAYARAN BALIK

## SALURAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN TEKUN NASIONAL

Bayaran balik pembiayaan merupakan elemen yang penting untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan pembiayaan kepada para usahawan. Bagi kemudahan capaian kepada usahawan untuk membuat bayaran balik, pelbagai saluran pembayaran balik pembiayaan disediakan oleh TEKUN Nasional.

Berikut adalah kaedah bayaran balik pembiayaan yang disediakan:

1. Bayaran melalui aplikasi mudah alih TEKUNPay  
Usahawan perlu memuat turun aplikasi mudah alih TEKUNPay bagi membolehkan pembayaran balik pembiayaan dibuat secara atas talian melalui perbankan internet.
2. Bayaran di premis perniagaan  
Pegawai TEKUN membuat kutipan tunai atau cek di premis perniagaan usahawan.
3. Bayaran di Pejabat Cawangan  
Usahawan membuat pembayaran secara tunai atau cek yang disediakan di Pejabat Cawangan.
4. Bayaran melalui institusi perbankan  
Usahawan boleh membuat pembayaran di RHB dan BSN menerusi kaunter, online dan mesin deposit tunai (CDM). Manakala Maybank menerusi online dan mesin deposit tunai (CDM) sahaja. Bayaran juga boleh dibuat di semua agen BSN.
5. Bayaran melalui Pos Malaysia  
Usahawan membuat pembayaran di kaunter POS Malaysia.


### Aplikasi TEKUNPay

Seiring dengan teknologi masa kini, TEKUN juga telah membangunkan aplikasi telefon pintar sebagai inisiatif baru dan berdaya saing di pasaran global. TEKUNPay merupakan aplikasi mudah alih khusus untuk usahawan TEKUN membuat pembayaran balik pembiayaan dan semakan akaun pembiayaan. Aplikasi TEKUNPay boleh dimuat turun melalui Google Playstore (Android) dan App Store (iOS). Usahawan TEKUN yang menggunakan aplikasi ini mempunyai akses untuk:

- i. Melihat paparan maklumat terperinci akaun pembiayaan.
- ii. Membuat semakan transaksi pembayaran sehingga 9 bulan terakhir.
- iii. Membuat pembayaran melalui perbankan internet (FPX).

Aplikasi TEKUNPay telah dilancarkan pada 1 November 2017 dan sehingga 2021 seramai 131,798 orang usahawan TEKUN telah mendaftar sebagai pengguna TEKUNPay melibatkan transaksi berjumlah RM121 juta.

Bagi 2021 sahaja pencapaian transaksi bayaran balik berjumlah RM 59,115,961.03.



## SALURAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN TEKUN NASIONAL


### 01 PERBANKAN INTERNET



Aplikasi bayaran TEKUNPay



Bayaran Atas Talian



### 02 MESIN DEPOSIT TUNAI



Maybank Banking Berhad (MBB)



RHB Bank Berhad (RHB Bank)



Bank Simpanan Nasional (BSN)

### 03 CEK



Pejabat Cawangan



Premis Usahawan



### 04 TUNAI



Pejabat Cawangan



Premis Usahawan



Kaunter Bank Terpilih BSN & RHB



Kaunter Pejabat Pos



Ejen BSN



# SUBSIDIARI & ENTITI DIBAWAH TEKUN NASIONAL



TEKUN Nasional turut disokong oleh 2 subsidiari yang bertanggungjawab membantu serta menyokong dalam pemantapan perkhidmatan TEKUN. Entiti tersebut ialah TEKUN Corporation Sdn Bhd (TEKUN Corp) dan Koperasi Rakan TEKUN Berhad (KRTB).



### 01 TEKUN CORPORATION SDN BHD (TEKUN CORP)

TEKUN Corporation adalah anak syarikat TEKUN Nasional dan telah didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 27 Februari 2014. TEKUN Corporation telah ditubuhkan sebagai platform pengembangan dan pemasaran untuk melayani dan membantu usahawan Malaysia khususnya dalam industri kecil dan sederhana.

Perkhidmatan TEKUN Corporation merangkumi semua usahawan tempatan terutamanya mereka yang berada di bawah pemantauan, bimbingan dan berdaftar di bawah TEKUN Nasional.

TEKUN Corporation juga menyediakan perkhidmatan penjenamaan semula untuk melahirkan usahawan baru, perkhidmatan pengurusan hutang, pusat pengumpulan untuk semua produk dan ke dalam perkongsian strategik antara prospek yang berpotensi.



Halatuju TEKUN Corp pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

#### TERAS PERTAMA - PERDAGANGAN & PERUNCITAN

Melalui Penubuhan TEKUN Mart yang menjadi peneraju pasaran Malaysia dalam sektor peruncitan dan memenuhi keperluan pelanggan dengan menyediakan pelbagai pilihan produk samada produk usahawan TEKUN, SME Bumiputera, IKS dan Koperasi.



Konsep Standee TEKUN Mart iaitu pemasaran produk-produk Usahawan tempatan yang diperkenalkan pada tahun sebelum ini diperluaskan sekitar Lembah Klang Malaysia daripada 36 unit kepada 120 unit menjelang akhir tahun 2022. Sasaran perletakan Standee ini adalah kedai-kedai usahawan TEKUN dan juga di stesen-stesen minyak sekitar 40km radius daripada Ibu Pejabat.

Selain itu juga, TEKUN Corpotion juga berjaya memasarkan produk-produk Usahawan secara atas talian dengan membuka kedai maya di halaman sesawang Shopee, Lazada dan Whatsapp. Pembukaan kedai maya ini berjaya mengutip jualan sebanyak RM210,162 kepada syarikat.

TEKUN Corpotion juga berjaya membuka tiga cawangan baru kedai peruncitan iaitu di Alor Gajah, Melaka, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya dan Angsana Mall, Johor Bharu. Pembukaan Mart di Angsana Mall Johor Bharu adalah hasil kerjasama TEKUN Corporation dengan UDA Holdings Berhad dan dinamakan Mari Mart.

#### TERAS KEDUA - HUB PEMBORONGAN

Aktiviti HUB pemborongan ditangguhkan disebabkan isu pandemik Covid 19 yang melanda negara dimana urusan perniagaan ke luar negara terpaksa dihentikan atas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh pihak kerajaan.

#### TERAS KETIGA - AGEN KUTIPAN HUTANG

Aktiviti agen kutipan hutang meskipun agak terjejas dengan penularan pandemik Covid 19 dan pemberian moratorium daripada TEKUN, namun TEKUN Corporation telah mengambil beberapa inisiatif dengan membaikpulih prestasinya. Usaha baikpulih tersebut, telah berjaya membawa hasil kutipan sebanyak RM7,106,688.

#### TERAS KEEMPAT - PERKHIDMATAN

Perkhidmatan TEKUN E-Dokumen diperluaskan penggunaannya dan tidak terhad kepada usahawan TEKUN sahaja. Perkhidmatan ini turut diperkenalkan kepada Agensi-agensi di bawah MEDAC seperti UDA Holdings, Bank Rakyat, SME Corporation, Suruhanjaya Koperasi dan PERNAS.

## 02 KOPERASI RAKAN TEKUN BERHAD (KRTB)

### KOPERASI RAKAN TEKUN BERHAD (KRTB)

Koperasi adalah sebuah organisasi berautonomi yang anggotanya adalah secara sukarela, berusaha untuk memenuhi keperluan dan aspirasi ekonomi, sosial dan budaya anggotanya melalui perniagaan yang dipunyai bersama dan dikawal secara demokratik.

Sehingga kini, KRTB dianggotai seramai 402 orang.

Objektif utama penubuhan KRTB ialah untuk:-

- 01** Meningkatkan taraf sosial ekonomi dan kebajikan para anggota mengikut prinsip koperasi



- 02** Menggalakkan kerjasama dan jaringan di kalangan kakitangan TEKUN di samping menjalankan aktiviti perniagaan yang menguntungkan

- 03** Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pelbagai bentuk pembiayaan, takaful / insurans dan tabung khairat kematian anggota



- 04** Menyediakan kemudahan menabung serta menggalakkan sikap berjimat cermat di kalangan staf dan keluarga.

Aktiviti-aktiviti KRTB sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut:

- 01** Menyediakan pembiayaan peribadi kepada anggota
- 02** Menjalankan aktiviti perkhidmatan Ar-Rahnu
- 03** Menjadi ejen kutipan bayaran balik pembiayaan TEKUN
- 04** Menjalankan perniagaan peruncitan TEKUN Mart
- 05** Menyediakan perkhidmatan jualan atas talian kepada usahawan bumiputera (LESGRO)



- 06** Menyediakan perkhidmatan pembersihan
- 07** Menyediakan perkhidmatan takaful dan pembaharuan cukai jalan
- 08** Menyediakan pakej Khairat kematian & Pengurusan Jenazah Lengkap
- 09** Menyediakan perkhidmatan katering
- 10** Membekal produk premium
- 11** Pemilikan dan penyewaan bangunan



### AR RAHNU TEKUN

AR RAHNU TEKUN adalah satu produk pembiayaan semula gadaian patuh Syariah jangka pendek (Tawarruq) di mana pelanggan / usahawan akan mencagar barangan emas atau barang kemas mengikut jenis emas yang diterima (rujuk senarai emas) sebagai cagaran bagi pembiayaan yang diberikan.

Kemudahan ini adalah berlandaskan kontrak Syariah, iaitu Tawarruq dan Rahn di bawah pengurusan Jabatan AR RAHNU TEKUN dan dipantau oleh Jabatan Syariah TEKUN Nasional.

Sehingga Disember 2021, sebanyak 10 cawangan Ar Rahnu TEKUN yang beroperasi di seluruh negara seperti berikut:



**10**  
CAWANGAN  
AR RAHNU  
TEKUN

- ★ SHAH ALAM
- ★ WANGSA MAJU
- ★ SEMENYIH
- ★ SENTUL
- ★ ALOR SETAR
- ★ TAWAU
- ★ KOTA BHARU
- ★ JOHOR BAHRU
- ★ TANAH MERAH
- ★ KUCHING

### PERKHIDMATAN LAIN YANG DISEDIAKAN

#### 01 I-SIMPAN



AR RAHNU TEKUN juga menyediakan perkhidmatan menyimpan barang emas / barangan kemas dalam perlindungan takaful.



Kadar keuntungan 0.30 sen setiap RM100.00 nilai marhun.



Tempoh penyimpanan adalah 6 bulan dan tiada had lanjutan dengan syarat upah simpanan sebelumnya dibayar sepenuhnya. Tempoh penyimpanan minima adalah tidak kurang 15 hari

#### 02 I-CUCI



Mencuci barang kemas/ barangan emas.



Satu barang/sepasang yang dicuci dikenakan bayaran RM3.00



**PERCUMA**

Seorang pelanggan yang mencuci lebih daripada tiga barang kemas, maka cucian untuk barang kemas yang seterusnya adalah PERCUMA.

**SENARAI JENIS GOLD BAR/ DINAR EMAS YANG DITERIMA UNTUK PEMBIAYAAN DI AR RAHNU TEKUN**

- |                                      |   |
|--------------------------------------|---|
| <b>01</b> AUSTRALIAN NUGGETS         | <b>16</b> PAMP SUISSE                   |
| <b>02</b> DINAR EMAS KELANTAN        | <b>17</b> SINGAPORE LION                |
| <b>03</b> EMIRATES GOLD              | <b>18</b> SYILING 1 ASIA GOLD           |
| <b>04</b> GOLD MAPLE LEAF            | <b>19</b> SYILING ANUGERAH PERKHIDMATAN |
| <b>05</b> HABIB JEWEL 999 GOLDBAR    | <b>20</b> UOB CANADIAN GOLD MAPLE LEAF  |
| <b>06</b> KIJANG EMAS                | <b>21</b> UOB AUSTRALIAN NUGGET         |
| <b>07</b> KUWAIT FINANCE HOUSE       | <b>22</b> UOB WAH CHAN GOLD BAR         |
| <b>08</b> TOMEI 999.9 KLCC FINE GOLD | <b>23</b> YAPIEM GOLD BAR               |
| <b>09</b> TOMEI AUSTRALIAN NUGGET    | <b>24</b> KAB GOLD BAR                  |
| <b>10</b> TOMEI MAPLE LEAF           | <b>25</b> ALLIANCE BANK GOLD BAR        |
| <b>11</b> PAMP GOLD                  | <b>26</b> SRI AYU GOLD BAR/ DINAR       |
| <b>12</b> PUBLIC GOLD BARS/ COIN     | <b>27</b> KOPUTRA GOLD BAR/ DINAR       |
| <b>13</b> PUBLIC GOLD TAI FOOK       | <b>28</b> ARGOR HERAEIOUS GOLD BAR      |
| <b>14</b> PERTH MINT GOLD            | <b>29</b> QUANTUM METAL GOLD BAR/ DINAR |
| <b>15</b> POH KONG GOLD              |   |

**JUAL BELI WAFER EMAS**

**PERTH MINT GOLD (PMG)**



Menawarkan perkhidmatan "One Stop Centre" untuk produk Perth Mint Gold (PMG)



Pelanggan boleh 'menjual' produk Perth Mint Gold (PMG) di Ar Rahnu TEKUN



Pelanggan boleh 'membeli' produk Perth Mint Gold (PMG) di Ar Rahnu TEKUN



Gadaian Perth Mint Gold (PMG) "Tidak perlu dibuka Seal"



**PUBLIC GOLD (PG)**



Pelanggan boleh 'membeli' produk Public Gold (PG) di Ar Rahnu TEKUN



Pelanggan boleh 'menjual' produk Public Gold (PG) di Ar Rahnu TEKUN



Kerjasama ini telah memudahkan pelanggan untuk 'menjual' dan 'membeli'



Public Gold (PG) di cawangan Ar Rahnu TEKUN



Gadaian Public Gold (PG) "Tidak perlu dibuka Seal"



**RINGKASAN NILAI MARHUN ARRANNU  
TEKUN NASIONAL 2015-2021**

BIL	CAWANGAN	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)
1	SHAH ALAM	107,112.80	4,395,374.06	7,585,276.86	7,700,464.31
2	WANGSA MAJU	-	1,123,307.09	2,063,199.63	3,490,620.44
3	SEMENYIH	-	1,054,649.07	2,198,049.86	3,295,343.34
4	SENTUL	-	-	614,468.50	3,821,375.92
5	ALOR SETAR	-	-	24,231.51	1,659,970.62
6	TAWAU	-	-	-	2,620,678.22
7	KOTA BHARU	-	-	-	2,317,823.72
8	JOHOR BHARU	-	-	-	1,436,385.20
9	TANAH MERAH	-	-	-	-
10	KUCHING	-	-	-	-
11	KUALA NERUS	-	-	-	-
	<b>JUMLAH</b>	<b>107,112.80</b>	<b>6,573,330.22</b>	<b>12,485,226.36</b>	<b>26,342,661.77</b>

BIL	CAWANGAN	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	JUMLAH KESELURUHAN
1	SHAH ALAM	11,404,110.48	12,700,788.05	17,421,183.38	61,314,309.94
2	WANGSA MAJU	7,360,043.36	10,476,498.28	14,929,949.14	39,443,617.94
3	SEMENYIH	5,725,697.70	6,933,934.61	11,882,970.44	31,090,645.02
4	SENTUL	7,437,154.40	9,244,675.27	10,568,697.10	31,686,371.19
5	ALOR SETAR	3,932,148.40	5,600,485.76	7,913,090.68	19,129,926.97
6	TAWAU	10,176,664.39	12,619,769.73	20,713,933.83	46,131,046.17
7	KOTA BHARU	6,169,966.09	9,224,328.34	14,086,721.17	31,798,839.32
8	JOHOR BHARU	4,976,611.09	7,075,126.49	10,981,801.67	24,469,924.45
9	TANAH MERAH	-	3,807,647.48	5,177,593.18	8,985,240.66
10	KUCHING	-	-	95,939.68	95,939.68
11	KUALA NERUS	-	-	-	-
	<b>JUMLAH</b>	<b>57,182,395.91</b>	<b>77,683,254.01</b>	<b>12,485,226.36</b>	<b>294,145,861.34</b>

**RINGKASAN PEMBIAYAAN ARRANNU  
TEKUN NASIONAL 2015-2021**


BIL	CAWANGAN	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)
1	SHAH ALAM	72,970.00	3,181,310.00	5,623,170.00	5,772,420.00
2	WANGSA MAJU	-	763,660.00	1,482,970.00	2,561,389.10
3	SEMENYIH	-	783,802.28	1,607,260.00	2,440,980.00
4	SENTUL	-	-	451,170.00	2,950,730.00
5	ALOR SETAR	-	-	18,490.00	1,194,210.00
6	TAWAU	-	-	-	1,913,680.00
7	KOTA BHARU	-	-	-	1,694,210.00
8	JOHOR BHARU	-	-	-	1,042,900.00
9	TANAH MERAH	-	-	-	-
10	KUCHING	-	-	-	-
11	KUALA NERUS	-	-	-	-
	<b>JUMLAH</b>	<b>72,970.00</b>	<b>4,728,772.28</b>	<b>9,183,060.00</b>	<b>19,570,519.10</b>

BIL	CAWANGAN	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	JUMLAH KESELURUHAN
1	SHAH ALAM	8,676,305.80	9,709,985.70	17,421,183.38	61,314,309.94
2	WANGSA MAJU	5,576,429.20	10,476,498.28	14,929,949.14	39,443,617.94
3	SEMENYIH	4,316,780.20	6,933,934.61	11,882,970.44	31,090,645.02
4	SENTUL	5,793,250.00	9,244,675.27	10,568,697.10	31,686,371.19
5	ALOR SETAR	2,934,760.00	5,600,485.76	7,913,090.68	19,129,926.97
6	TAWAU	7,661,670.00	12,619,769.73	20,713,933.83	46,131,046.17
7	KOTA BHARU	4,544,435.00	9,224,328.34	14,086,721.17	31,798,839.32
8	JOHOR BHARU	3,789,790.00	7,075,126.49	10,981,801.67	24,469,924.45
9	TANAH MERAH	-	-	5,177,593.18	8,985,240.66
10	KUCHING	-	-	95,939.68	95,939.68
11	KUALA NERUS	-	-	-	-
	<b>JUMLAH</b>	<b>43,293,420.20</b>	<b>77,683,254.01</b>	<b>12,485,226.36</b>	<b>294,145,861.34</b>

# JAWATANKUASA AUDIT, INTEGRITI & RISIKO (JKAIR)

## JAWATANKUASA AUDIT, INTEGRITI & RISIKO (JKAIR)

Jawatankuasa Audit, Integriti & Risiko (JKAIR) TEKUN Nasional adalah salah satu daripada jawatankuasa di bawah Ahli Lembaga Amanah TEKUN Nasional.



### RINGKASAN AKTIVITI

Sebanyak 33 aktiviti / laporan audit telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021 meliputi Pengauditan Tadbir Urus, Pengauditan Maya, Pengauditan Teknologi Maklumat, Siasatan dan Jawatankuasa Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko (JIPR)


- 01** JIPR telah melaksanakan beberapa aktiviti pengukuhan integriti seperti taklimat / ceramah integriti, artikel integriti, peringatan integriti dan artikel himpunan kes tatatertib sepanjang tahun 2021.
- 02** JIPR juga telah mengeluarkan 7 laporan siasatan salah laku, 5 laporan semakan integriti dan tadbir urus dan 23 laporan penilaian risiko.
- 03** Pelan Anti Rasuah TEKUN Nasional (2021 – 2024) telah diluluskan oleh Lembaga Amanah pada 19 April 2021.
- 04** Polisi Anti Rasuah TEKUN Nasional telah diluluskan oleh Lembaga Amanah pada 29 Oktober 2021.

### AHLI MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT, INTEGRITI & RISIKO (JKAIR)

- Pengerusi : YBhg. Datuk Hj Zamri @ Fazillah bin Salleh  
 Timbalan Pengerusi : Encik Khalid bin Mohamed  
 Ahli
1. Puan Ummi Syahidah binti Ahmad Bustamam
  2. Encik Mohd Azrin bin Abdull Rahim (sehingga 21 Januari 2021)
  3. Encik Hafizal bin Ahmad
  4. Encik Md Rukemi bin Ishak (Setiausaha Bersama)
  5. Encik Mohamad Razman bin Razak (Setiausaha Bersama)

# JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN INOVASI TEKUN NASIONAL

Jawatankuasa Pembangunan dan Inovasi diwujudkan bagi keperluan untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan, pembangunan dan sumber manusia di TEKUN Nasional. Keahlian jawatankuasa ini adalah terdiri daripada kalangan Ahli Lembaga Amanah TEKUN Nasional.



**AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN & INOVASI :**

- Pengerusi : Encik Khalid bin Mohamad  
 Timbalan Pengerusi : Puan Najwah Halimah binti Abdul Alim  
 Ahli
1. YBhg. Dato' Adam bin Abd. Ghani
  2. Encik Zuhaimy bin Md Isa
  3. Encik Omar bin Othman
  4. Encik Aishamuddin bin Zulkefli
  5. Encik Roshaimi bin Harun
  6. Encik Yasir bin Salam
  7. Puan Suhaily Raini binti Md Hamdan (Setiausaha Bersama)
  8. Puan Nurulhuda binti Kamarudin (Setiausaha Bersama)

# JAWATANKUASA SYARIAH TEKUN NASIONAL

Peranan JKS sebagaimana yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Amanah (ALA) TEKUN Nasional, iaitu:

- 1 Tanggungjawab dan Akauntabiliti:** JKS hendaklah bertanggungjawab terhadap semua keputusan dan pandangan Syariah yang diberikan.
- 2 Memberikan pandangan Syariah:** JKS hendaklah memberikan pandangan Syariah berkaitan tadbir urus, operasi, kewangan dan hal-hal lain kepada TEKUN termasuklah memberikan pandangan / perakuan bagi program-program TEKUN yang dilaksanakan oleh syarikat subsidiari / koperasi milik TEKUN sekiranya diperlukan.
- 3 Memperakukan Dasar dan Prosedur Syariah:** JKS hendaklah memperakukan dasar dan prosedur Syariah serta memastikan kandungannya tidak mempunyai sebarang unsur yang tidak selaras dengan Syariah.
- 4 Memperakukan Dokumen Berkaitan:** Untuk memastikan produk mematuhi prinsip Syariah, JKS hendaklah memperaku:-
  - i. Terma dan syarat yang terkandung dalam borang, kontrak, perjanjian atau dokumentasi perundangan lain yang digunakan dalam pelaksanaan urusan niaga; dan
  - ii. Manual produk, iklan pemasaran, ilustrasi jualan dan risalah yang digunakan untuk menerangkan produk; dan
  - iii. Sebarang dokumen atau keperluan yang diminta oleh TEKUN dari semasa ke semasa dalam MJKS.

**Ringkasan Aktiviti:**

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Syariah (MJKS) telah dilaksanakan sebanyak 4 kali sepanjang tahun 2021.
- ii. JKS melalui MJKS juga telah memperaku dan meluluskan beberapa kertas dan keputusan Syariah sepanjang tahun 2021, iaitu:
  - a. Pelaksanaan Konsep Tawarruq AR RAHNU TEKUN.
  - b. Cadangan Pelan Hala Tuju Syariah (Shariah Roadmap) TEKUN Nasional Tahun 2021-2022.
  - c. Polisi Perniagaan Patuh Syariah TEKUN Nasional.
  - d. Pengesahan Patuh Syariah Produk Pembiayaan AR RAHNU TEKUN berasaskan Tawarruq.
  - e. Polisi Tadbir Urus Syariah TEKUN Nasional.
  - f. Pelan Semakan Syariah TEKUN Nasional Tahun 2021-2022.
  - g. Kaedah Penentuan Harga Rezab Lelongan Marhun AR RAHNU TEKUN.
  - h. Laporan Semakan Syariah Bagi Produk Pembiayaan TEKUN Niaga Tahun 2021.

**AHLI JAWATANKUASA SYARIAH :**

- |                |  |
|----------------|--|
| Pengerusi      | : Tuan Haji Mohd Nazri bin Chik  |
| Ahli           | 1. Prof. Dr. Azman bin Mohd Noor<br>2. Prof. Madya Dr. Kamaruzaman bin Noordin<br>3. Encik Omar bin Othman<br>4. Tuan Haji Syed Abdullah bin Syed Nordin |
| Jemputan Tetap | 1. Tuan Haji Aishamuddin bin Zulkefli<br>2. Puan Suhaily Raini binti Md Hamdan<br>3. Encik Md Rukemi bin Ishak   |
| Setiausaha     | : Encik Mohd Danial bin Mohd Razali @ Busu   |



# PRESTASI KEWANGAN

**PENDAPATAN  
BAGI TAHUN 2021**  
**RM384.2j**

Pendapatan berkurang berbanding  
RM567.6 juta pada tahun 2020

Pendapatan daripada operasi  
**RM342.1j**

Lain-lain pendapatan  
**RM342.1j**

**PERBELANJAAN OPERASI  
BAGI TAHUN 2021**  
**RM130.0j**

Perbelanjaan berkurang berbanding  
RM149.0 juta pada tahun 2020

**NILAI KESELURUHAN  
ASET TEKUN NASIONAL**  
**RM2.48b**

Aset Tetap  
**RM69.4j**

Aset Semasa  
**RM2.41b**

**TANGGUNGAN SEMASA**  
**RM223.4j**  
**TANGGUNGAN JANGKA PANJANG**  
**RM1.30b**

Prestasi kewangan TEKUN Nasional tahun 2021 menunjukkan TEKUN memperolehi pendapatan sebanyak RM384.2 juta berbanding RM567.6 juta pada tahun sebelumnya. Pendapatan ini terdiri daripada pendapatan dari operasi berjumlah RM342.1 juta dan lain-lain pendapatan berjumlah RM42.1 juta.

Perbelanjaan operasi bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM130.0 juta berbanding RM149.0 juta selepas dinyatakan semula pada tahun 2020. Ini menunjukkan penurunan perbelanjaan sebanyak RM19.0 juta berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2021, TEKUN memperolehi lebih pendapatan sebanyak RM254.2 juta sebelum mengambil kira jumlah peruntukan kerugian kredit (ECL) sebanyak RM76.3 juta.

Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2021 menunjukkan kedudukan keseluruhan aset TEKUN bernilai RM2.48 bilion yang terdiri daripada Aset Tetap bernilai RM69.4 juta dan aset semasa bernilai RM2.41 bilion. Manakala tanggungan semasa adalah bernilai RM223.4 juta dan tanggungan jangka panjang bernilai RM1.30 bilion menjadikan nilai bersih aset TEKUN bernilai RM960.7 juta.

Sebagai agensi yang menyediakan kemudahan pembiayaan, TEKUN terdedah kepada pelbagai risiko kewangan namun objektif penggunaan instrumen kewangan adalah untuk memaksimumkan pulangan dan meneruskan perkhidmatan kepada para usahawan.

TEKUN Nasional bukanlah sekadar menjayakan aspirasi pihak kerajaan tetapi juga bertanggungjawab menyampaikan perkhidmatan yang berkesan dan menjadi tonggak kepercayaan kepada kumpulan sasar iaitu usahawan mikro Bumiputera.

**TAKAFUL  
KEMALANGAN  
DIRI  
TEKUN CARE**



TEKUN telah memperkenalkan Takaful Kemalangan Diri TEKUN Care yang merupakan pelan perlindungan 24 jam kepada pemegang polisi di dalam dan luar negara dengan caruman yang berpatutan. TEKUN Care mempunyai 3 pelan perlindungan iaitu platinum, gold dan silver.

Perlindungan yang ditawarkan ialah yang melibatkan kematian, rawatan perubatan dan kehilangan upaya kekal akibat kemalangan. Pemegang polisi akan mendapat manfaat seperti elaun hospital mengikut hari, perbelanjaan perubatan, bayaran rawatan gigi, kerusi roda dan prostesis anggota badan termasuk kes ragut.

Sehingga tahun 2021, terdapat seramai 29,598 pemegang polisi TEKUN Care dengan nilai perlindungan berjumlah RM430.60 juta.



# WASIAT



Menyedari kepentingan perancangan harta pusaka, TEKUN bekerjasama dengan MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB) dan telah mewujudkan produk khidmat wasiat yang sah menurut undang-undang dan hukum syariah.

Pewarisan harta terancang akan memudahkan waris bagi memastikan kebajikan mereka dapat dipelihara sekaligus mengurangkan bebanan yang akan ditanggung oleh waris selepas berlaku kematian.

Pihak MAAB akan membantu waris dalam mempercepatkan proses wasiat, mengurangkan kos guaman di samping pengurusan wasiat akan dilaksanakan mengikut prosedur undang-undang syariah. MAAB akan memastikan wasiat dijamin rahsia, selamat daripada kerosakan dan mudah untuk diakses oleh waris.

Sehingga tahun 2021, seramai 1,040 orang telah melanggan khidmat wasiat ini dengan bayaran perkhidmatan berjumlah RM208 ribu.



# KAJIAN IMPAK PEMBIAYAAN TEKUN NASIONAL


## Kajian Impak Terhadap Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro (CBRM) Bagi Tahun 2020



### Objektif Kajian

- 1 Menilai pencapaian TEKUN dalam membantu usahawan mikro dalam tempoh pandemik menerusi produk CBRM.
- 2 Menilai impak dan keberkesanan pembiayaan di bawah produk CBRM.
- 3 Mengenalpasti keupayaan usahawan mengekalkan perniagaan selepas menerima pembiayaan.
- 4 Mengenalpasti isu dan masalah yang dihadapi oleh usahawan mikro yang terjejas akibat Covid-19.
- 5 Mengenalpasti langkah terbaik untuk membantu usahawan yang terjejas.

### Metodologi Kajian



### Fokus Kajian

Terdapat dua outcome utama yang dinilai sepanjang kajian seperti berikut:

- 1 Menilai impak CBRM terhadap survival perniagaan usahawan selepas menerima pembiayaan.
- 2 Menilai impak pembiayaan CBRM terhadap prestasi perniagaan selepas setahun menerima pembiayaan.



HASIL KAJIAN

A) PENCAPAIAN OUTPUT

BIL	SASARAN	PENCAPAIAN TEKUN
01	Pembiayaan RM200 juta	100% (RM200 juta)
02	Penyaluran sehingga Disember 2020	100% (selesai pada Julai 2020)
03	33,000 usahawan	79.78% (26,326 usahawan)

B) PENCAPAIAN OUTCOME

BIL	SASARAN	PENCAPAIAN TEKUN
Impak CBRM terhadap survival perniagaan usahawan selepas menerima pembiayaan:		
04	50% usahawan berjaya bertahan dan meneruskan perniagaan selepas menerima pembiayaan CBRM	84.27% (3,444) responden berjaya meneruskan perniagaan operasi perniagaan bertambah baik selepas mendapat CBRM 43.17% (1,763) yakin perniagaan dapat bertahan lebih lama selepas setahun terima CBRM
Impak CBRM terhadap prestasi perniagaan selepas setahun menerima pembiayaan:		
05	40% usahawan mendapat peningkatan untung bersih	42.40% (1,733) responden mendapat peningkatan untung bersih sekurang-kurangnya 20%
06	40% usahawan mendapat peningkatan untung bersih	42.40% (1,733) responden mendapat peningkatan untung bersih sekurang-kurangnya 20%
07	15% usahawan berupaya melantik pekerja dalam tempoh pandemik	14.14% (578) responden berjaya menambah bilangan pekerja 34.92% (1,427) mengekalkan bilangan pekerja sedia ada (1- >5 pekerja) 8.39% (343) responden mengurangkan bilangan pekerja (terlibat dalam pemberhentian pekerja)

# ANUGERAH TEKUN NASIONAL

# ANUGERAH

# TEKUN NASIONAL



TAHUN	ANUGERAH
2013	Anugerah Financial Inclusion @ Ulan Bataar Mongolia, <i>Improved Loving Standard of Low-Income Household in Agro-Food Sector &amp; Agro-Based Industry</i>
2013	Anugerah Best Innovation In Financial Services Di Global Sustainable Finance Conference @ Karlsruhe Germany, <i>Success in Consolidated Economic Fund for Small Entrepreneurial Business Development</i>
2014	Anugerah Human Capital Development @ Moscow Russia, <i>The Young Graduate Entrepreneurship Development Program</i>
2016	Anugerah Local Economic Development Adfiap Awards 2016 @ Apia Samoa, May 2016 <i>Program Mentor Mentee</i>
2016	Anugerah Local Economic Development Adfiap Awards 2016 @ Apia Samoa, May 2016 <i>Program Mentor Mentee</i>
2016	Anugerah Emas – Program Terbaik Agensi MEDAC Tahun 2020 Kategori Pemulihan Perniagaan Mikro.
2017	Anugerah “SME Development – Successful Entrepreneur” di ADFIAP Awards 2017 @ Macao, China 2017 <i>Programme Zero to Hero - Successful Entrepreneurs</i>

TAHUN	ANUGERAH
2017	Peringkat kementerian: i. Tempat Pertama Pertandingan Aplikasi Mudah Alih, Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani 2017 ii. Tempat Pertama Pertandingan Portal, Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani 2017, Kategori : Government Linked Companies (GLC)
2019	Anugerah Outstanding Development Project Award, @ Muscat, Oman, <i>Technology Development "TEKUNPay"</i>
2020	Best Innovation In Sustainable Financial Products And Services di Karlsruhe, German <i>Sustainable Development ( EOSD ) bagi 'Certificate of Merit or Plaque by City of Karlsruhe, German - Majlis Karlsruhe Sustainable Finance Awards 2020</i>
2020	Development Awards 2020 Trade Development, ADFIAP <i>Internalization Of Successful Reference On Microcredit</i>
2020	Anugerah Best Innovation In Sustainable Financial Products And Services di Karlsruhe, German Sustainable Development ( EOSD ) <i>Certificate of Merit or Plaque by City of Karlsruhe, German - Majlis Karlsruhe Sustainable Finance Awards 2020</i>
2021	Anugerah Khas Jasa Bakti ACCI – Dewan Perdagangan & Industri Asean
2021	Anugerah Local Economic Development ADFIAP Awards 2021, Oct 27-28 2021 <i>Project -TEKUN Mart</i>

# AKTIVITI TEKUN NASIONAL



**3 FEBRUARI 2021**  
**KEMENTERIAN**  
**PEMBANGUNAN USAHAWAN**  
**DAN KOPERASI (MEDAC)**

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT LANTIKAN**  
**AHLI JAWATANKUASA SYARIAH TEKUN**  
**NASIONAL**

Penyerahan surat lantikan Ahli Jawatankuasa Syariah TEKUN Nasional dilaksanakan oleh YB Dato Sri Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).



**22 FEBRUARI 2021**  
**DEWAN SEMAI BAKTI,**  
**FELDA PASOH 1,**  
**NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENYERAHAN BANTUAN**  
**PERNIAGAAN KEPADA USAHAWAN DAN**  
**MASYARAKAT DI JELEBU**

Program ini dirasmikan oleh YB Dato' Sri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MEDAC)





**25 FEBRUARI 2021**  
**TEKUN MART ALOR GAJAH, MELAKA**

**MAJLIS PERASMIAN TEKUN MART ALOR GAJAH, MELAKA**

YB Datuk Wira Hajah Mas Ermeyati Binti Haji Samsudin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan & Koperasi hadir merasmikan pembukaan TEKUN Mart di Alor Gajah.

**28 FEBRUARI 2021**  
**PLATINUM MALL, KELANTAN**

**PENYAMPAIAN SURAT TAWARAN & PERJANJIAN PENYEWAAAN KEPADA USAHAWAN TEKUN PLATINUM MALL**

YB Ustaz Shahrizukirnain Abd Kadir, Pengerusi TEKUN Nasional menyampaikan surat tawaran & perjanjian penyewaan kepada usahawan TEKUN. Majlis ini turut dihadiri oleh pengurusan Tertinggi TEKUN Nasional.






**2 MAC 2021**  
**MESMERA HALL, HOTEL EVERLY, PUTRAJAYA**  
 MAJLIS PENYERAHAN MOU DI ANTARA AGENSI MEDAC DENGAN PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BERHAD

TEKUN Nasional menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) bagi menjalinkan persefahaman bagi membuka lebih luas peluang serta menyeluruh kepada usahawan bagi menjana sosio ekonomi bumiputera yang lebih kukuh dan berdaya saing.

**06 MAC 2021**  
**AUDITORIUM BLOK PENTADBIRAN, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, KELANTAN**  
 MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN DAN PEMBIAYAAN OLEH AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Usahawan Skim Pembiayaan Informal (SPIN) TEKUN menerima cek pembiayaan yang disampaikan oleh YB Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar.





**10 MAC 2021**  
**PLATINUM MALL, KELANTAN**

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

YB Datuk Seri M.Saravanan, Menteri Sumber Manusia Dan YB Dato' Sri Dr. Wan Junaidi Bin Tunku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyaksikan sesi menandatangani dokumen kolaborasi strategik di antara Perkeso dan Protege, Perkeso dan TEKUN Nasional serta PSMB bersama Insken.

**11 MAC 2021**  
**MENARA KEMENTERIAN BELIA & SUKAN, PUTRAJAYA**

**MAJLIS PELANCARAN SKIM PEMBIAYAAN INDUSTRI SUKAN**

Majlis Pelancaran Skim Pembiayaan Industri Sukan Yang dilancarkan Oleh YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Hajah Mas Ermieyati Hj. Samsudin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MEDAC)



**13 MAC 2021**  
**MYDIN MALL MUTIARA RINI, SKUDAI**

**PROGRAM CSR "BACK TO SCHOOL" TEKUN NASIONAL**

Majlis Pelancaran Skim Pembiayaan Industri Sukan yang dilancarkan oleh YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Belia dan Sukan dan YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Hj. Samsudin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MEDAC)



**21 MAC 2021**  
**MASJID TANAH, MELAKA**

**MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN PEJABAT SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM) CAWANGAN MASJID TANAH, MELAKA.**

Perasmian telah disempurnakan Oleh YB Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan & Koperasi. Turut disampaikan Bantuan Pembiayaan di Bawah Program Skim Pembiayaan Informal (SPIN) kepada 10 Usahawan TEKUN Nasional sekitar Masjid Tanah dan Alor Gajah



**27 MAC 2021**  
**KUALA TERENGGANU,**

**MAJLIS PERASMIAN SEMINAR ASAS KEUSAHAWANAN (SAK) TEKUN NASIONAL NEGERI TERENGGANU**

Majlis Perasmian Seminar Asas Keusahawanan (SAK) TEKUN Nasional Negeri Terengganu yang berlangsung di Sutera Beach Resort, Setiu dirasmikan oleh YB Ustaz Shahrizukirnain Abdul Kadir Pengerusi TEKUN Nasional dan dihadiri oleh 80 orang Usahawan Negeri Terengganu.



**3 & 4 APRIL 2021**  
**IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL**

**KURSUS KOMUNIKASI & KHIDMAT PELANGGAN CEMERLANG**

Kursus ini telah dihadiri oleh 30 orang warga kerja TEKUN yang terdiri daripada Pegawai daripada Ibu Pejabat dan juga pejabat TEKUN Cawangan. Kursus ini memberikan pendedahan kaedah komunikasi berkesan bersama pelanggan dan juga usahawan



**5 APRIL 2021**

**A'FAMOSA RESORT, ALOR GAJAH, MELAKA**

**MAJLIS PERASMIAN SEMINAR ASAS KEUSAHAWANAN (SAK) NEGERI MELAKA**

Majlis Perasmian Seminar Asas Keusahawanan (SAK) Negeri Melaka bertempat Di A'Famosa Resort, Alor Gajah pada 5 April 2021 yang dihadiri oleh 200 orang usahawan dari sekitar Negeri Melaka. Perasmian ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Hj Samsudin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan & Koperasi

**07 APRIL 2021**

**THE MAJESTIC HOTEL, KUALA LUMPUR**

**MAJLIS PELANCARAN SKIM PEMBIAYAAN LESTARI BUMI DAN ACARA MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN**

Majlis Pelancaran Skim Pembiayaan Lestari Bumi dan Acara Menandatangani Memorandum Persefahaman yang disempurnakan YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Hj Samsudin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan.





**15 APRIL 2021**  
**PLATINUM MALL, KOTA BHARU**  
 LAWATAN YB USTAZ SHAHRIZUKIRNAIN ABD KADIR, PENERUSI TEKUN NASIONAL BERSAMA PEGURUSAN TERTINGGI TEKUN NASIONAL

YB Ustaz Shahrizukirnain Abd Kadir, Pengerusi TEKUN Nasional bersama Pengurusan Tertinggi TEKUN membuat lawatan tapak ke Platinum Mall bagi melihat aktiviti perniagaan Usahawan serta kemudahan fasiliti yang disediakan.

**3 MEI 2021**  
**SEKITAR KUALA LUMPUR**  
 PROGRAM BAKUL RAMADHAN ANJURAN PUSPANITA CAWANGAN KECIL TEKUN NASIONAL

Program Bakul Ramadhan anjuran Puspanita Cawangan Kecil TEKUN Nasional. Penyerahan bantuan kepada golongan Asnaf, Anak Yatim dan golongan kurang upaya di beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur seperti Masjid Zaid Bin Thabit, Desa Tun Razak, Masjid Al-muqarrabin Bandar Tasik Selatan, Masjid Jamek Ibnu Khaldun Sungai Besi dan Rumah Bakti Nur Syaheera, Cheras.



**06 SEPTEMBER 2021**  
**TEKUN NASIONAL,**  
**KUALA LUMPUR**

**KUNJUNGAN HORMAT YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR, MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi bersama YB Muslimin Yahaya, Timbalan Menteri Usahawan dan Koperasi hadir ke Ibu Pejabat TEKUN Nasional dalam sesi Kunjungan Hormat.



**29-31 OKTOBER 2021**  
**PADANG ASTAKA TANJUNGS**  
**KARANG, SELANGOR**

**KARNIVAL KELUARGA USAHAWAN DAN KOPERASI 2021**

Karnival Keluarga Usahawan dan Koperasi 2021 yang disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Karnival ini turut dimeriahkan dengan kehadiran pengunjung dan penduduk setempat



**7 NOVEMBER 2021**  
**ANGSANA JOHOR BAHRU**

**SESI MENANDATANGANI PERJANJIAN PENGENDALIAN PUSAT RUNCIT SETEMPAT ANTARA UDA HOLDINGS BERHAD DAN TEKUN CORPORATION SDN BHD**

Lawatan YB Tan Sri Noh Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi ke Angsana Johor Bahru Mall, Johor Bahru. Majlis Ini Turut Dihadiri YBhg Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YBhg Dato' Mohammad Radhi Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pemantauan) Pembangunan Usahawan & Koperasi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Sr Mohd. Salem Kailany, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Uda Holdings Berhad serta Ketua-ketua Agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi.

**16 NOVEMBER 2021**  
**TEKUN NASIONAL, KUALA LUMPUR**

**MAJLIS PENUTUP GRADUATE BUSINESS PROGRAM (GBP)**

Majlis Penutup Graduate Business Program (GBP) yang dijalankan secara atas talian turut dihadiri oleh barisan Pengurusan Tertinggi TEKUN Nasional, Tenaga Pengajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta para peserta yang terlibat.



 **25 NOVEMBER 2021**  
 **TEKUN NASIONAL, KUALA LUMPUR**  
**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TEKUN NASIONAL 2021.**  
 Seramai 75 warga kerja telah terpilih bagi menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021. Penerima anugerah terdiri daripada warga kerja Ibu Pejabat, Pejabat TEKUN Negeri dan Pejabat TEKUN Kawasan.



 **27 NOVEMBER 2021**  
 **PEJABAT TEKUN NASIONAL CAWANGAN KUANTAN**  
**MAJLIS PERJUMPAAN PENGARAH URUSAN & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF TEKUN NASIONAL, YBHG DATO' ADAM ABD GHANI BERSAMA WARGA KERJA NEGERI PAHANG**  
 YBhg Dato' Adam Abd Ghani merasmikan Pembukaan Pejabat TEKUN Nasional Cawangan Kuantan dan acara penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021 kepada tiga orang Warga Kerja. Turut hadir, pihak pengurusan tertinggi TEKUN Nasional dan Pengurus TEKUN Negeri Pahang.




**27 & 28 NOVEMBER 2021**  
**DEWAN PAYA BESAR,**  
**PAYA BESAR KUANTAN**  
**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN**  
**KARNIVAL KELUARGA USAHAWAN**  
**DAN KOPERASI**

YB Mohd Shahr bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan 1 merangkap Ahli Parlimen Paya Besar telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup serta penyerahan replika cek kepada salah seorang Usahawan Skim Pembiayaan Informal (SPIN) bagi mewakili 16 usahawan sekitar parlimen Paya Besar.

**28 NOVEMBER 2021**  
**PEJABAT TEKUN NASIONAL**  
**CAWANGAN PAYA BESAR,**  
**KUANTAN**  
**MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN**  
**PEJABAT TEKUN NASIONAL CAWANGAN**  
**PAYA BESAR, KUANTAN**

YBhg Datuk Kamaruzzaman bin Johari, Setiausaha Politik kepada YB Tan Sri Noh Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan & Koperasi bersama YB Tuan Mohd Shahr bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan 1 telah merasmikan pembukaan Pejabat TEKUN Nasional Cawangan Paya Besar, Kuantan. Turut hadir Pengerusi TEKUN Nasional, YB Ustaz Shahrizukir bin Abd Kadir dan Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif Tekun Nasional, Dato Adam Abd Ghani serta para pemimpin setempat.





**10 DISEMBER 2021**  
**IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL**

**RETREAT PENGURUSAN TEKUN NASIONAL**  
**BAGI TAHUN 2021**


Program Retreat ini dihadiri oleh barisan Pengurusan TEKUN bagi membentangkan dasar pelaksanaan dan prestasi bagi setiap bahagian di TEKUN Nasional serta hala tuju dan penambahbaikan untuk masa akan datang.



**19 DISEMBER 2021**  
**KUALA NERUS, TERENGGANU**

**LAWATAN AHLI LEMBAGA AMANAH**  
**TEKUN NASIONAL BERSAMA**  
**PENGURUSAN TERTINGGI KE PREMIS**  
**USAHAWAN DI SEKITAR KUALA NERUS**

Lawatan Ahli Lembaga Amanah TEKUN Nasional bersama Pengurusan Tertinggi ke premis usahawan di sekitar Kuala Nerus. Di antara perniagaan yang dilawati adalah terdiri daripada usahawan yang menjalankan perusahaan batik, pembuatan kuih dan kedai runcit.



**28 DISEMBER 2021**  
**REBAU**  
**PENYAMPAIAN SUMBANGAN DAN BANTUAN**  
**TENAGA KERJA KEPADA WARGA KERJA TEKUN**  
**NASIONAL YANG TERKESAN AKIBAT BANJIR**

Dato' Adam Abdul Ghani, Pengurusan TEKUN dan beberapa wakil warga kerja TEKUN dalam misi turun padang ke Rembau, Negeri Sembilan & sekitar Dengkil, Selangor dalam menyantuni warga kerja TEKUN yang dilanda musibah banjir.



# ALAMAT PEJABAT TEKUN NASIONAL

TEKUN Nasional mempunyai 178 Pejabat fizikal bagi Pejabat Negeri dan Cawangan termasuk 9 Pejabat Ar Rahnū. Berikut adalah alamat pejabat TEKUN di peringkat negeri:

#### **IBU PEJABAT TEKUN NASIONAL**

T5-01-01, Menara 5, Jalan Lingkaran Tengah, Lingkaran Maju (Maju Link),  
57000 Bandar Tasik Selatan,  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
Tel : 03-9059 8888  
Faks : 03-9059 9292

#### **PEJABAT NEGERI PERLIS**

No. 1L Jalan Arau - Koding, Taman Utara (Fasa II) Guar Sanji, 02600 Arau, Perlis.  
Tel : 04-9868186  
Faks : 04-9868188  
Pengurus Negeri :  
Pn. Haryanti Abd Hamid

#### **PEJABAT NEGERI PULAU PINANG**

No. 11A-1, Pusat Perniagaan Wakaf Setee Aisah, Jalan Seetee Aisah, Taman Wakaf Seetee Aisah, 13700 Perai, Pulau Pinang.  
Tel : 04-3838596  
Faks : 04-3838891  
Pengurus Negeri :  
Pn. Haliyatul Asma Jamaluddin

#### **PEJABAT NEGERI KEDAH**

No 9 & 10, Pusat Perniagaan Shahab Perdana, Jalan Senangin 1, Lebuhraya Sultanah Bahiyah, 05150 Alor Setar, Kedah  
Tel : 04 -7308417 / 04-7327609  
Faks : 04-7347608  
Pengurus Negeri :  
En. Ibrahim Ariffin

#### **PEJABAT NEGERI PERAK**

No. 24 & 26, Medan Istana 7, Bandar Ipoh Raya, 30000 Ipoh, Perak.  
Tel : 05-2495710  
Faks : 05-2541901  
Pengurus Negeri :  
En. Mohd Anuar Salleh

#### **PEJABAT NEGERI SELANGOR**

Tingkat 3, No. 28, Jalan Tengku. Ampuan Zabedah, 9/D, Seksyen 9, 40100 Shah Alam, Selangor.  
Tel : 03-55127060 / 03-55127041  
Pengurus Negeri :  
En. Faizal Amini Mohd Yunus

#### **PEJABAT NEGERI KELANTAN**

Tingkat 1 & 2 PT 720 Bandar Baru Tanjung, 15100 Kota Bharu, Kelantan  
Tel : 09-7418523 / 09-7421623  
Pengurus Negeri :  
En. Che Othman Che Wil @ Ismail

#### **PEJABAT NEGERI SARAWAK**

Sublot 72, Tingkat Bawah 1 & 2, Riverredge Commercial Centre, Jalan Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.  
Tel : 082-410972 / 082-482245  
Faks : 082-428264  
Pengurus Negeri :  
En. Roslan Ais

#### **PEJABAT NEGERI TERENGGANU**

Lot PT 37821-1, Dataran Rimba, Jalan Tengku Mohamad, 21300 Kuala Nerus, Terengganu  
Tel : 09-6669750  
Faks : 09-6669770  
Pengurus Negeri :  
En. Mohd Ghazali Husain

#### **PEJABAT NEGERI SABAH**

Unit No.B-5-9, Parcel No.9, Level 5, Building B, Aeropod Phase 3A Retail Office, Mile 3.5, Jalan Keping, Kota Kinabalu, Sabah  
Tel : 088-311355  
Faks : 088 - 311356  
Pengurus Negeri :  
En. Hemin Osumping

#### **PEJABAT NEGERI PAHANG**

No. 17, Tingkat 1, Jalan Ahmad Shah, 28000 Temerloh, Pahang.  
Tel : 09-2901744 / 09-2901472  
Faks : 09-2962085  
Pengurus Negeri :  
En. Hassan Anuar

#### **PEJABAT NEGERI WP KUALA LUMPUR**

T2-03, Lingkaran Maju, Jalan Lingkaran Tengah 2, Bandar Tasik Selatan, 57000 Kuala Lumpur.  
Tel : 03 - 90598990 / 03-90598996  
Faks : 03-90599292  
Pengurus Negeri :  
En. Rafaizil Bin Ahmad Tajudin

#### **PEJABAT NEGERI MELAKA**

No. 12, Aras 2, Jalan KC, Bangunan Kota Cemerlang, 75450 Ayer Keroh, Melaka.  
Tel : 06-2346301  
Faks : 06-2328757  
Pengurus Negeri :  
En. Anuar Abu Zarin

#### **PEJABAT NEGERI NEGERI SEMBILAN**

No. 1, Tkt 2, Jalan Durian Emas 2, Off Jalan Dato Siamang Gagap, Betaria Business Centre, 70400 Seremban, Negeri Sembilan.  
Tel : 06-7615941 / 06-7615942  
Faks : 06-7615944  
Pengurus Negeri :  
Pn. Zuraidah Mat Jinal

#### **PEJABAT NEGERI JOHOR**

No. 66B, Jalan Padi 1, Bandar Baru Uda, 81200 Johor Bahru, Johor.  
Tel : 07-2351466 / 07-2351477  
Faks : 07-2351596  
Pengurus Negeri :  
Mohd Shah bin Mohd Ariff



